UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

# *PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH DAN KESANNYA DALAM MENGATASI MASALAH BUTA HURUF*

JIANI BINTI JAMAN

FPP 2015 53

**PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH DAN KESANNYA DALAM MENGATASI MASALAH BUTA HURUF**

Oleh

**JIANI BINTI JAMAN**

**Tesis ini dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**November 2015**

© COPYRIGHT UPM

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia

© COPYRIGHT UPM

**DEDIKASI**

Untuk suami tercinta, terima kasih atas segala kesabaran, dorongan dan pengorbanan yang diberikan sepanjang pengajian ini
Untuk anakanda yang tersayang yang sentiasa menjadi sumber ilhamku
Untuk ayahanda dan bonda yang dikasihi, terima kasih kerana setiap doa kalian mengiringi kejayaan ini.

© COPYRIGHT UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH DAN KESANNYA DALAM MENGATASI MASALAH BUTA HURUF**

Oleh

**JIANI BINTI JAMAN**

**November 2015**

**Pengerusi : Fadzilah binti Abd. Rahman, PhD**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian yang dilaksanakan ini adalah kajian berbentuk kualitatif yang dijalankan untuk mengkaji pelaksanaan program pemulihan Bahasa Melayu sekolah rendah. Pelaksanaan program pemulihan dalam kajian ini merujuk kepada pengajaran guru pemulihan di dalam bilik darjah dengan melihat penggunaan kaedah membaca guru, meneliti penggunaan bahan bantu mengajar guru dan peranan pentadbir dalam pelaksanaan program pemulihan ini. Kajian ini menghuraikan tentang pelaksanaan program pemulihan yang bertujuan membantu murid menguasai kemahiran membaca. Kedua, menerangkan cara pengajaran guru pemulihan di dalam bilik darjah dan ketiga, menjelaskan bagaimana peranan pentadbir dalam membantu pelaksanaan program pemulihan Bahasa Melayu. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kes, iaitu satu kes pelbagai lokasi. Gabungan maklumat kajian ini diperoleh menerusi kaedah pemerhatian, rakaman audio, temu bual separa berstruktur serta analisis dokumen yang berkaitan. Data-data dalam kajian ini dianalisis secara induktif bagi membolehkan pengkaji memahami fenomena yang dikaji secara keseluruhan. Penganalisisan data juga dibuat menggunakan teknik triangulasi terhadap ketiga-tiga kaedah pemerhatian iaitu rakaman audio, temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Kajian ini melibatkan empat orang guru pemulihan yang dipilih sebagai peserta kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan program pemulihan Bahasa Melayu di sekolah rendah ini perlu diteruskan memandangkan ramai murid yang belum menguasai kemahiran membaca. Punca kecemerlangan program ini adalah berfokus kepada pengajaran guru. Setiap murid yang belum menguasai kemahiran membaca perlu diajar dan dibimbing bermula daripada mengenal, mengecam dan menyebut huruf dan suku kata, membatang suku kata dan membaca ayat. Kerjasama daripada guru kelas, guru mata pelajaran, guru pemulihan dan pihak pentadbir amat penting untuk menjayakan pelaksanaan program pemulihan di sekolah rendah.

Penyampaian pengajaran guru pemulihan dalam bilik darjah yang memperlihatkan ciri-ciri pengajaran konvensional amat sukar membantu murid-murid pemulihan ini menguasai kemahiran membaca. Rasional yang diberi oleh peserta kajian atas dapatan tersebut adalah merujuk kepada pengurusan masa, keadaan murid yang selalu ponteng sekolah dan tekanan sebagai guru pemulihan untuk merealisasikan harapan pentadbir



© COPYRIGHT UPM

sekolah. Manakala penyampaian guru pemulihan yang kreatif akan menghasilkan murid-murid yang berjaya menguasai kemahiran membaca dan akhirnya tidak perlu lagi mengikuti kelas pemulihan. Guru-guru pemulihan ini akan mengajar berpusatkan murid, menggunakan kaedah membaca yang sesuai iaitu kaedah abjad/huruf, kaedah gabungan bunyi kata, kaedah pandang dan sebut serta kaedah cerakin mengikut tahap pencapaian murid dan penggunaan bahan bantu mengajar yang berkesan, berfaedah, berfokus dan menarik minat murid-murid untuk belajar. Pihak pentadbir yang sering memberi kerjasama dalam pelaksanaan program pemulihan ini dapat menampakkan kejayaannya dalam mengurangkan masalah buta huruf. Maka penyampaian pengajaran guru dalam kelas pemulihan dilihat juga sebagai satu usaha menyediakan murid-murid ke arah cemerlang.

Kata kunci: Bahasa Malaysia, Program Pemulihan, Kemahiran membaca, Bahan bantu mengajar, Guru Pemulihan.

© COPYRIGHT UPM

Abstract of this thesis is presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**IMPLEMENTATION OF REMEDIAL PROGRAM FOR BAHASA MELAYU IN PRIMARY SCHOOL AND ITS IMPACT IN OVERCOMING ILLITERATE**

By

**JIANI BINTI JAMAN**

**November 2015**

**Chairman : Fadzilah binti Abd Rahman, PhD**

**Faculty : Educational Studies**

This qualitative study was conducted to study the implementation of remedial program for Bahasa Melayu of the primary school. The implementation of the remedial program in this study refers to remedial teachers teaching in the classroom with the use of reading method, the teaching aids and administrator role in the program. This study describes the implementation of remedial program aimed at helping students master their reading skills. The second aim describes the teaching methods in the classroom and the third aim explains an administrator role in assisting the implementation of remedial program for Bahasa Melayu. The researcher used the case research method, a case of multiple locations. The study combined informations obtained through observations, audio recordings, semi-structured interviews and analysis of relevant documents. The data in this study were inductively analyzed to enable researcher to understand the phenomenon being studied as a whole. The data analysis use triangulation techniques to all three methods, namely audio recording observations, semi-structured interviews and document analysis. The study involved the selected four remedial teachers as study participants. The findings indicate that the implementation of the Bahasa Melayu remedial program for the primary school should be continued since many students have not mastered their reading skills. The excellence factors of the program focuses on teaching method. Students who has not mastered reading skills need to be taught and guided starts from recognizing, identifying and pronounce letters and syllables, erect syllables and rehearse. Cooperation of classroom teachers, subject teachers, remedial teachers and administrator is crucial to the successful implementation of the remedial program.

The classroom remedial teaching in which shows the conventional characteristics of teaching are very difficult to help pupils to master their reading skills. The rationale given by the findings of the study participants refers to time management, the situation of students who always absent and the pressure as a remedial teacher to realize the expectations of school administrator. While the creative delivering will produce students who successfully mastered the reading skills and eventually no longer need to be in the remedial classes. Remedial teachers will teach student-centered, using the appropriate method of reading the letters/characters, the combined sound of the word,



© COPYRIGHT UPM

approach and assay methods according to the level of student achievement and the use of teaching aids are effective, beneficial, focused and attract pupils to learn. Administrator who often cooperate in the implementation of the remedial program can be seen success in reducing the problem of student who do not master the reading skills. The delivery of teaching in remedial classes are also seen as an effort to provide students toward excellence.

Keywords: Bahasa Malaysia, Remedial Program, Reading Skills, Teaching Aids, Remedial Teacher.

© COPYRIGHT UPM

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan keizinan-Nya, maka penulisan tesis ini dapat disempurnakan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan tesis saya iaitu Dr. Fadzilah Abd Rahman, Dr. Roselan Baki dan Dr. Shaffe Mohd Daud yang sentiasa memberikan tunjuk ajar, khidmat nasihat, semangat, keyakinan, kekuatan dan sokongan yang tidak pernah jemu sepanjang proses penulisan tesis ini dilaksanakan. Segala ilmu dan teguran yang diberi amat saya hargai. Semoga Allah memberi ganjaran yang mulia kepada golongan ini atas kemuliaan diri dan budi mereka.

Ucapan terima kasih juga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia serta Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama yang telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah tertentu. Sumbangan idea dan sokongan daripada guru besar, guru pemulihan dan kaki tangan sekolah yang terpilih amat saya hargai.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada kakitangan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, kakitangan Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Negara serta Dewan Bahasa dan Pustaka di atas segala bantuan dan kerjasama yang dihulurkan sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Akhir kata, terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga untuk suami tercinta serta keluarga tersayang atas sokongan, kesabaran dan kepercayaan kepada diri saya sehinggalah tesis ini berjaya disiapkan sepenuhnya. Saya amat berharap agar tesis ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak dan dapat diterima seperti mana yang dikehendaki. Sehubungan itu, sebarang kekurangan itu adalah datang dari kelemahan diri saya sendiri dan segala yang baik dan sempurna itu hanya milik ALLAH S.W.T.

Amin……

© COPYRIGHT UPM

© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Fadzilah binti Abdul Rahman, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Roselan bin Baki, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

**Shaffe bin Mohd Daud, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

......………………………………
**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan Pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbangannya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajikan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Censelor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan:______________________________Tarikh:________________

Nama dan No. Matrik: JIANI BINTI JAMAN (GS25711)

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:___________________________
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Fadzilah binti Abdul Rahman

Tandatangan:___________________________
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Roselan bin Baki

Tandatangan:___________________________
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Shaffe bin Mohd Daud

© COPYRIGHT UPM

## JADUAL KANDUNGAN


| | Muka Surat |
|---|---|
| **ABSTRAK** | i |
| **ABSTRACT** | iii |
| **PENGHARGAAN** | v |
| **PENGESAHAN** | vii |
| **PERAKUAN** | viii |
| **SENARAI JADUAL** | xv |
| **SENARAI RAJAH** | xvi |
| **SENARAI SINGKATAN** | xviii |

**BAB**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **1** | **PENGENALAN** | | | |
| | 1.1 | Latar Belakang Kajian | | 1 |
| | 1.2 | Pengelolaan Kelas Pemulihan | | 3 |
| | 1.3 | Kepentingan Program Pemulihan Dalam Pendidikan | | 4 |
| | 1.4 | Pelaksanaan Program Pemulihan Bahasa melayu Di Sekolah Rendah | | 6 |
| | 1.5 | Pemilihan Murid Pemulihan | | 7 |
| | 1.6 | Penyataan Masalah | | 10 |
| | 1.7 | Objektif Kajian | | 13 |
| | 1.8 | Persoalan Kajian | | 13 |
| | 1.9 | Kepentingan Kajian | | 13 |
| | | 1.9.1 | Guru Pemulihan Bahasa Melayu | 14 |
| | | 1.9.2 | Murid Pemulihan | 14 |
| | 1.10 | Batasan Kajian | | 15 |
| | 1.11 | Definisi Operasional | | 15 |
| | | 1.11.1 | Program Pemulihan Bahasa Melayu | 15 |
| | | 1.11.2 | Pengajaran Kelas Pemulihan Bahasa Melayu | 16 |
| | | 1.11.3 | Kemahiran Membaca | 17 |
| | | 1.11.4 | Kaedah Membaca Kelas Pemulihan Bahasa Melayu | 20 |
| | | 1.11.5 | Bahan Bantu Mengajar Kelas Pemulihan | 21 |
| | | 1.11.6 | Pengurusan Bilik Darjah Pemulihan | 23 |
| | 1.12 | Rumusan | | 26 |
| **2** | **SOROTAN LITERATUR** | | | |
| | 2.1 | Pengenalan | | 29 |
| | 2.2 | Kajian-Kajian Tentang Pelaksanaan Program Pemulihan Bahasa Melayu | | 29 |
| | 2.3 | Pengendalian Program Pemulihan Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah | | 31 |
| | 2.4 | Faktor Mempengaruhi Pelaksanaan Program Pemulihan Bahasa Melayu | | 32 |




© COPYRIGHT UPM

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2.4.1 | Faktor Di Dalam Bilik Darjah | 32 |
| | 2.4.2 | Faktor Guru | 33 |
| | 2.4.3 | Faktor Pengukuhan Penguasaan Kemahiran Asas Membaca | 33 |
| | 2.4.4 | Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Yang Sesuai | 34 |
| | 2.4.5 | Peranan dan Sokongan Pihak Sekolah | 35 |
| 2.5 | Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Program Pemulihan Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah | | 36 |
| | 2.5.1 | Fungsi Ujian Saringan Kelas Pemulihan | 37 |
| | 2.5.2 | Fungsi Ujian Diagnostik | 37 |
| | 2.5.3 | Tindakan Susulan | 38 |
| 2.6 | Masalah Kemahiran Membaca | | 39 |
| 2.7 | Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pemulihan | | 47 |
| | 2.7.1 | Rancangan Pengajaran Harian Guru Pemulihan | 43 |
| | 2.7.2 | Interaksi Guru Pemulihan dengan Murid Pemulihan | 44 |
| | 2.7.3 | Kaedah Membaca Kelas Pemulihan | 45 |
| | | i. Kaedah Abjad/huruf | 46 |
| | | ii. Kaedah Pandang dan Sebut | 48 |
| | | iii. Kaedah Cerakin | 48 |
| | | iv. Kaedah Gabungan Bunyi - Kata | 49 |
| | 2.7.4 | Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kelas Pemulihan Bahasa Melayu | 50 |
| 2.8 | Kerangka Teoritikal Kajian | | 51 |
| | 2.8.1 | Teori Pembelajaran Kognitif – Jean Piaget | 52 |
| | 2.8.2 | Teori Maslow | 53 |
| | 2.8.3 | Teori Behaviorisme | 56 |
| 2.9 | Amalan Pengajaran Guru Pemulihan | | 58 |
| 2.10 | Bimbingan Dan Sokongan Pelaksanaan Program pemulihan | | 59 |
| | 2.10.1 | Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) | 59 |
| | 2.10.2 | Pentadbir Sekolah | 59 |
| | 2.10.3 | Peranan guru Pemulihan | 60 |
| | 2.10.4 | Kepentingan Rancangan Pelajaran Harian Pemulihan | 61 |
| | 2.10.5 | Peranan Ibu Bapa | 62 |
| 2.11 | Kerangka Konseptual Kajian | | 63 |
| 2.12 | Rumusan | | 64 |

**3 METODOLOGI KAJIAN**

| | | |
|---|---|---|
| 3.1 | Pengenalan | 65 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 65 |



© COPYRIGHT UPM

3.2.1 Kajian Kes 66
3.2.2 Rasional Menggunakan Kajian Kes 66
3.2.3 Faktor Pemilihan Kaedah Kajian Kualitatif 66
3.2.4 Konteks Kajian dan Lokasi Kajian 68
3.3 Latar Belakang Tempat dan Peserta Kajian 69
3.3.1 Latar Belakang Sekolah 69
3.3.2 Peserta Kajian dan Latar Belakang 69
i. Peserta Kajian A (GP1) 71
ii. Peserta Kajian B (GP2) 73
iii. Peserta Kajian C (GP3) 74
iv. Peserta Kajian D (GP4) 75
3.4 Kaedah Pengumpulan Data 76
3.5 Prosedur Penganalisisan Data 79
3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Maklumat 83
3.7 Tempoh Kajian 84
3.8 Tatacara Pelaksanaan Kajian 86
3.8.1 Peringkat Persediaan 86
3.8.2 Kajian Rintis 88
3.8.3 Peringkat Pelaksanaan 88
3.8.4 Pemerhatian Dalam Bilik Darjah 89
3.8.4.1 Catatan Lapangan 90
3.8.4.2 Rakaman Audio 90
3.8.5 Temu Bual Separa Berstruktur 91
3.8.6 Analisis Dokumen 92
3.9 Kerangka Kajian 95

4 **DAPATAN KAJIAN**
4.1 Pengenalan 96
4.2 Soalan Kajian 1: Apakah Kaedah Membaca Yang Digunakan Dalam Kelas Pemulihan? 98
a. Kaedah membaca abjad/huruf 99
b. Kaedah gabung bunyi-kata 100
c. Kaedah pandang dan sebut 101
d. Kaedah Cerakin 102
4.3 Soalan Kajian 2 : Apakah kefahaman guru tentang kepentingan menggunakan bahan bantu mengajar di dalam kelas pemulihan? 107
a. Set induksi pengajaran guru 107
b. Aktiviti pengajaran menggunakan Bahan Bantu Mengajar 109
c. Aktiviti Pengajaran dan pembelajaran 110



© COPYRIGHT UPM

| | | | |
|---|---|---|---|
| | d. | Penutupan Pengajaran Membaca Kelas Pemulihan | 112 |
| | 4.3.1 | Kepentingan Bahan Bantu Mengajar (BBM) | 117 |
| | 4.3.2 | Bahan Bantu Mengajar yang Digunakan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kelas Pemulihan Membaca | 117 |
| | 4.3.3 | Pemilihan Bahan Bantu Mengajar | 119 |
| | 4.3.4 | Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Yang Berkesan | 119 |
| | 4.3.5 | Implikasi Penggunaan Bahan Bantu Mengajar | 120 |
| | 4.3.6 | Saiz dan Bilangan Murid | 121 |
| | 4.3.7 | Pengurusan Bilik Darjah | 121 |
| 4.4 | | Soalan Kajian 3 : Apakah peranan pentadbir terutamanya guru besar dalam membantu menjayakan pelaksanaan program pemulihan membaca Bahasa Melayu di sekolah rendah? | 123 |
| | a. | Tanggungjawab Pentadbir | 123 |
| | b. | Memberi Pandangan dan Berbincang | 124 |
| | c. | Bimbingan dan Sokongan Pihak Pentadbir | 125 |
| | d. | Memantau Pelaksanaan Pengajaran Program Pemulihan | 126 |

**5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5.1 | | Pengenalan | 130 |
| 5.2 | | Rumusan Dapatan Kajian | 130 |
| 5.3 | | Perbincangan Kajian | 132 |
| 5.4 | | Implikasi Kajian | 133 |
| | 5.4.1 | Implikasi Kajian ke atas Pelaksanaan Pengajaran Pemulihan Membaca Bahasa Melayu | 133 |
| | 5.4.2 | Implikasi Kajian ke atas Penggunaan Kaedah Membaca yang Sesuai dalam Pengajaran kelas Pemulihan | 137 |
| | 5.4.3 | Implikasi Kajian ke atas Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Pengajaran kelas Pemulihan | 138 |
| | 5.4.4 | Implikasi Kajian Tentang Pengajaran Kemahiran Membaca | 141 |
| | 5.4.5 | Implikasi Kajian Ke Atas Peranan dan Tanggungjawab Pentadbir Dalam Pelaksanaan Program Pemulihan di Sekolah Rendah | 142 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 5.4.6 | Membudayakan Sistem Bimbingan dan Pemantauan | 143 |
| | 5.4.7 | MMengamalkan Refleksi Dalam Pengajaran Kelas Pemulihan | 144 |
| 5.5 | Cadangan | | 144 |
| | 5.5.1 | Cadangan Kepada Peranan dan Tanggungjawab Guru Pemulihan di Dalam Bilik Darjah | 144 |
| | 5.5.2 | Cadangan Kepada Pentadbiran Sekolah | 145 |
| | 5.5.3 | Cadangan Untuk Kajian Masa Hadapan | 146 |
| 5.6 | Penutup | | 146 |

**BIBLIOGRAFI** 148
**LAMPIRAN** 159
**BIODATA PELAJAR** 223

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL


| Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1 | Perbezaan Kelas Pemulihan Biasa dengan Kelas Pemulihan Khas | 28 |
| 2 | Profil Guru Pemulihan Bahasa Melayu | 71 |
| 3 | Contoh Penganalisisan Mengikut Kes Menggunakan Data Triangulasi | 78 |
| 4 | Contoh Penganalisisan Bersilang Kes Menggunakan Data Triangulasi | 80 |
| 5 | Strategi Menentukan Kesahan dan Kebolehpercayaan | 84 |
| 6 | Jadual Tempoh Kajian | 85 |
| 7 | Jadual Lawatan Kajian | 87 |
| 8 | Tema Dalam Pelaksanaan Pengajaran Program Pemulihan | 98 |
| 9 | Penggunaan Kaedah Membaca Di Dalam Kelas Pemulihan | 104 |
| 10 | Penggunaan Set Induksi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran | 109 |
| 11 | Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Kelas Pemulihan | 113 |
| 12 | Peserta Kajian | 121 |


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI RAJAH


| Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1 | Pengelolaan Kelas Pemulihan | 3 |
| 2 | Rasional Pelaksanaan Pendidikan Pemulihan | 71 |
| 3 | Carta Aliran Pelaksanaan Program Pemulihan | 9 |
| 4 | Pengajaran Pemulihan | 17 |
| 5 | Proses Membaca | 19 |
| 6 | Kaedah Pengajaran Membaca Kelas Pemulihan | 21 |
| 7 | Bahan Bantu Mengajar | 22 |
| 8 | Cadangan Pelan Susun Atur Perabot dan Peralatan Dalam Kelas Pemulihan | 25 |
| 9 | Proses Pengendalian Program Pemulihan | 31 |
| 10 | Faktor Mempengaruhi Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pemulihan Bahasa Melayu Di Dalam Bilik Darjah | 35 |
| 11 | Peningkatan Penilaian Program Pemulihan | 37 |
| 12 | Langkah-langkah Pelaksanaan Program Pemulihan | 38 |
| 13 | Penyediaan Rancangan Pelajaran Harian | 44 |
| 14 | Interaksi Antara Guru, Murid Dan Bahan Bantu Mengajar | 45 |
| 15 | Kaedah Abjad/Huruf | 46 |
| 16 | Carta Suku Kata Kaedah Abjad/Huruf | 47 |
| 17 | Kaedah Pandang Dan Sebut | 48 |
| 18 | Kaedah Cerakin | 49 |
| 19 | Contoh Kaedah Gabungan Bunyi kata | 50 |
| 20 | Model Keperluan Hierarki Maslow | 55 |
| 21 | Kerangka Teoritikal Kajian | 57 |
| 22 | Peranan Guru Pemulihan | 60 |




© COPYRIGHT UPM

| | | |
|---|---|---|
| 23 | Kerangka Konseptual Kajian | 63 |
| 24 | Proses pengumpulan Data Berdasarkan Cresswell | 76 |
| 25 | Triangulasi Kaedah Pengumpulan Data | 77 |
| 26 | Kerangka Kajian | 95 |
| 27 | Proses Pengajaran Membaca Kelas Pemulihan | 131 |


© COPYRIGHT UPM

**SENARAI SINGKATAN**

| | |
|---|---|
| 2M | Membaca & Menulis |
| APPEAL | Asia-Pasifik Programme of Education for All |
| BBM | Bahan Bantu Mengajar |
| GP | Guru Pemulihan |
| IPP2M | Intervensi Pendidikan Pemulihan Membaca dan Menulis |
| JPN | Jabatan Pendidikan Negeri |
| KBAT | Kemahiran Berfikir Aras Tinggi |
| KBSR | Kurikulum Baru Sekolah Rendah |
| KDC | Kursus Dalam Cuti |
| KDP | Kursus Dalam Perkhidmatan |
| KIA2M | Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis |
| KPLI | Kursus Perguruan Lepasan Ijazah |
| KPM | Kementeria Pelajaran Malaysia |
| KSPK | Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan |
| KSSR | Kurikulum Standard Sekolah Rendah |
| LADAP | Latihan Dalam Perkhidmatan |
| M1 | Murid Satu |
| M2 | Murid Dua |
| M3 | Murid Tiga |
| M4 | Murid Empat |
| PIPP | Pelan Induk Pembangunan Pendidikan |
| PISMP | Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan |
| PLKN | Program Latihan Khidmat Negara |
| PMR | Penilaian Menengah Rendah |

© COPYRIGHT UPM

| | |
|---|---|
| PNM | Perpustakaan Negara Malaysia |
| PPD | Pejabat Pendidikan Daerah |
| PPPM | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| PROTIM | Program Tiga M (Membaca, Menulis dan Mengira) |
| SK | Sekolah Rendah |
| SKM | Sekolah Kurang Murid |
| SM | Sekumpulan Murid |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| STPM | Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia |
| UNESCO | United Nations Organization for Education, Science and Culture |
| UPSR | Ujian Prestasi Sekolah Rendah |

© COPYRIGHT UPM

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Membaca merupakan asas penting untuk murid-murid lulus dalam peperiksaan. Kegagalan menguasai kemahiran membaca menyebabkan mereka sukar mengikuti proses pembelajaran di sekolah dan mengakibatkan mereka tidak dapat menguasai kemahiran membaca. Walhal, kejayaan murid-murid dalam peperiksaan banyak bergantung kepada kemahiran membaca (Abdul Rashid, 2011). Oleh itu, program pemulihan dirancang dan dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah bagi membantu masalah murid-murid yang tidak menguasai kemahiran membaca. Menurut Noresah Baharum (2010), pemulihan bermaksud perbuatan memulihkan semula kepada keadaan normal. Sehubungan dengan itu, Kementerian pendidikan Malaysia melantik beberapa orang guru pemulihan untuk dihantar ke sekolah rendah bagi membantu melaksanakan program pemulihan malah, buku panduan Pelaksanaan Program pemulihan juga telah disediakan dan dibekalkan kepada guru pemulihan untuk kegunaan sebagai rujukan (JPK, 2012).

Memandangkan program pemulihan ini sangat penting untuk membantu murid-murid yang lemah dalam kemahiran membaca maka, jumlah bilangan guru pemulihan terus ditambah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) supaya aktiviti pemulihan dapat ditingkatkan bagi membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca. Program ini dilaksanakan oleh guru yang khusus, di ruang yang khusus (KPM, 2001). Di samping itu, murid juga akan dibimbing dan diberi motivasi untuk membina keyakinan diri dan sentiasa bersikap positif terhadap pembelajaran. Justeru, penekanan kepada guru pemulihan yang mahir dan berilmu pengetahuan amat penting untuk menjayakan program pemulihan. Kohler (2006), menyatakan bahawa kecemerlangan sesuatu pendidikan banyak bergantung kepada kemahiran guru mengajar dan menguasai ilmu pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran pemulihan. Guru yang mengajar kelas pemulihan merupakan guru yang terlatih dari universiti, institut perguruan mahu pun institut pendidikan guru yang menyediakan kursus-kursus pendidikan pemulihan sama ada di dalam negara atau di luar negara. Guru Pemulihan yang dilatih mempunyai kepakaran yang khusus bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid-murid yang lemah dalam kemahiran asas membaca (KPM, 2012).

Kementerian Pendidikan Malaysia juga menekankan agar pemantapan pelaksanaan program pemulihan diteruskan untuk menghasilkan keberkesanannya dalam membantu mengatasi masalah buta huruf dengan cara mengambil inisiatif untuk meletakkan guru pemulihan di sekolah-sekolah rendah yang memerlukan perkhidmatan guru pemulihan. Kehadiran guru pemulihan ini diharap akan dapat membantu pihak sekolah mengenalpasti murid-murid yang belum menguasai kemahiran membaca dan seterusnya mencalonkan mereka belajar di dalam kelas pemulihan (KPM, 2012).

Fokus membasmi masalah buta huruf ini termaktub dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 (KPM, 2005). Walau bagaimanapun, masalah buta huruf ini telah lama mendapat perhatian daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Sejak tahun 60-an lagi program pemulihan ini telah memainkan peranannya malah, beberapa perancangan, perubahan telah dibuat melalui Dasar Pendidikan Negara bagi memastikan sistem pendidikan berjalan lancar dan penekanan diberikan kepada

pendidikan asas membaca, menulis dan mengira (Abu Bakar dan Ikhsan, 2003). Program Pemulihan ini menjadi agenda penting KPM mulai tahun 1998 dan antaranya ialah melatih guru pemulihan yang bakal mengendalikan kelas pemulihan yang berfungsi sebagai pembimbing atau tenaga pengajar kepada murid-murid yang mengalami masalah membaca.

Pelaksanaan Program Pemulihan seperti yang dihuraikan dalam KBSR merupakan satu cabaran yang amat besar kepada semua pihak terutamanya guru pemulihan sekolah rendah. Murid-murid pemulihan juga mempunyai perasaan ingin dilayan seperti murid lain dan mempunyai keinginan belajar hingga ke peringkat yang lebih tinggi walaupun perkembangan kognitif mereka agak lambat sedikit. Oleh itu, khidmat motivasi amat penting untuk membantu memberi keyakinan diri yang tinggi kepada murid-murid pemulihan supaya mereka memperoleh kejayaan seperti murid yang lain. Melalui Transformasi Pendidikan, Program Literasi dan Numerasi (LINUS) telah diperkenalkan pada bulan Ogos 2009. Program ini dilaksanakan untuk menggantikan program KIA2M yang dianggap kurang mampu mengatasi masalah membaca murid-murid sekolah rendah. Harapan kerajaan agar dengan terlaksananya Program LINUS ini akan dapat membantu mengatasi masalah kemahiran asas 3M dengan lebih sistematik yang mensasarkan 100% murid tahun 3 dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira sebelum melangkah ke tahun 4 mulai tahun 2013 kecuali murid berkeperluan khas (KPM, 2012).

Berdasarkan data Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) menunjukkan masih terdapat lebih kurang 13.0% (54 000) murid Tahun 1 yang tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis (KPM, 2012). Manakala dapatan kajian yang dibuat oleh Bahagian Perancangan dan Pengkajian Dasar Pendidikan (BPPDP) mendapati daripada 78 495 murid Tahap I dan Tahap II yang mengikuti kelas pemulihan Bahasa Melayu pada tahun 1999 dan 86 852 pada tahun 2000, hanya lebih kurang separuh sahaja yang berjaya dipulihkan (BPPDP, 2002).

Data Bahagian Sekolah , KPM pada tahun 2001 menunjukkan seramai 115 377 murid sekolah rendah di seluruh Negara masih tidak menguasai kemahiran membaca (KPM, 2012). Oleh itu, daya kreativiti dan inovasi guru pemulihan diperlukan untuk menjayakan pelaksanaan Program Pemulihan membaca Bahasa Melayu ini. Tambahan pula dalam senario pengajaran kelas pemulihan hari ini, guru pemulihan perlu bijak, kreatif dan inovatif menggunakan kaedah membaca yang berkesan serta pemilihan bahan bantu mengajar yang menarik supaya pengajaran dan pembelajaran kelas pemulihan boleh menampakkan keberhasilannya yang cemerlang. Selain itu, guru juga perlu sentiasa belajar dan memahami tentang pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 supaya dapat mengajar dan membimbing murid-murid bukan sahaja berfikiran kreatif tetapi juga mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Kreatif bermaksud kebolehan seseorang guru pemulihan untuk mencipta dan menghasilkan sesuatu pengajaran yang berkesan dan berkualiti terhadap kemahiran membaca di dalam bilik darjah. Inovatif pula ialah kebolehan guru pemulihan menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu sama ada dari segi kaedah membaca atau penggunaan bahan bantu mengajar. Kurangnya inovasi dalam pengajaran pemulihan akan menyebabkan murid cepat berasa bosan dan tidak berminat untuk belajar. Situasi ini boleh menyebabkan murid menjadi pasif, mudah putus asa dan selalu ponteng sekolah walhal guru adalah tenaga pendorong yang besar untuk membangkitkan minat belajar murid. Kaedah membaca yang jitu, penggunaan bahan

bantu mengajar yang berkesan dan alat komunikasi yang sesuai pastinya dapat membantu guru pemulihan melaksanakan pengajaran yang menarik dan berfokus. Namun demikian, sikap guru yang kurang yakin dengan pencapaian murid pemulihan menyebabkan pengajaran guru tidak berfokus. Walau bagaimanapun khidmat guru pemulihan tetap diperlukan untuk merealisasikan pelaksanaan program pemulihan membaca Bahasa Melayu ini supaya keciciran murid dapat dipulihkan sebelum melangkah ke sekolah menengah.

## 1.2 Pengelolaan Kelas Pemulihan

Program pemulihan memainkan peranan penting dalam membantu mengatasi masalah murid-murid buta huruf. Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil inisiatif untuk memperkasakan program pemulihan dengan menaik taraf pengajaran pemulihan dan memperuntukkan seorang guru pemulihan terlatih yang mencukupi di setiap sekolah rendah yang layak menerima perkhidmatan guru pemulihan untuk mengajar murid-murid yang masih gagal menguasai kemahiran membaca termasuk di Sekolah Kurang Murid (SKM). Rancangan pembelajaran pula ditumpukan khas kepada penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu.

Pihak sekolah perlu menyediakan pelbagai kemudahan untuk membantu pengajaran guru pemulihan. Walaupun peruntukan kewangan tidak disediakan untuk program pemulihan ini namun, pihak sekolah boleh menggunakan peruntukan bantuan geran perkapita Bahasa Melayu supaya murid-murid ini berpeluang belajar mengikut kesesuaian tahap kecerdasan mereka. Setiap sekolah rendah yang mempunyai kelas pemulihan perlu mewujudkan Ahli Jawatankuasa (AJK) program pemulihan untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan tentang pelaksanaan kelas pemulihan dan memastikan program ini berfungsi sepenuhnya. Menjadi tanggungjawab pihak pentadbir untuk memastikan Program Pemulihan dijalankan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang mana Kelas Pemulihan ini tidak boleh ditutup tanpa mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan pendidikan negeri atau Kementerian Pendidikan Malaysia [Surat Siaran KP(BS)8502/5/PK/Jld.V(34)]




**Rajah 1: Pengelolaan kelas pemulihan**

## 1.3 Kepentingan Program Pemulihan dalam Pendidikan

Bahasa Melayu adalah salah satu mata pelajaran teras di sekolah rendah dan sekolah menengah seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Oleh itu, untuk merealisasikan matlamat kurikulum Bahasa Melayu, setiap murid perlu menguasai kemahiran membaca supaya dapat melengkapkan diri dalam ketrampilan berbahasa dan berkomunikasi. Tambahan pula, apabila Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam pendidikan persekolahan dan institusi pengajian tinggi maka, setiap murid wajib lulus Bahasa Melayu sama ada dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) ataupun peperiksaan yang lebih tinggi.

Oleh itu, untuk lulus peperiksaan, murid-murid perlu belajar dan mencari ilmu melalui pembacaan dan hanya murid yang boleh membaca sahaja dapat menerokai ilmu pengetahuan dalam hidupnya di samping memperluas pemikiran dan meningkatkan kecemerlangan dalam dunia pendidikan. Justeru, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011) meletakkan kemahiran membaca sebagai salah satu kemahiran asas dalam berbahasa yang perlu dikuasai oleh murid-murid. Hal ini selaras dengan matlamat Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mengkehendaki murid-murid menggunakan bahasa yang sesuai mengikut perkembangan usia mereka dengan menerapkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (KPM, 2012).

Murid Tahun 4 yang belum menguasai kemahiran membaca akan dimasukkan ke dalam kelas pemulihan untuk dibimbing dan diajar supaya tidak terus tercicir dalam pembelajaran. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam aspirasi sistem Pendidikan Malaysia bahagian ekuiti memastikan 50% pengurangan dalam jurang pencapaian termasuklah kawasan bandar dan luar bandar, sosioekonomi dan gender menjelang tahun 2020 (PPPM, 2013). Oleh itu, dengan kecekapan yang ada sistem pendidikan akan berupaya untuk memaksimumkan keberhasilan murid mengikut peruntukan sedia ada. Ini bermakna, dengan terlaksananya program pemulihan di sekolah rendah, guru pemulihan akan dapat memaksimumkan keberhasilan murid-murid dalam kemahiran membaca. Melalui aspirasi murid, PPPM 2013-2025 telah mensasarkan setiap murid di Malaysia akan mempunyai enam atribut utama untuk memenuhi keperluan abad ke-21. Antaranya ialah kemahiran kepimpinan, kemahiran berfikir, pengetahuan, profisiensi dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional. Sekiranya murid tidak tahu membaca, amat sukar untuk mencapai matlamat yang disasarkan oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk merancang dan membuat penambahbaikan program pemulihan yang sedia ada supaya murid pemulihan ini berpeluang menikmati sistem pendidikan yang sentiasa dimurnikan (KPM, 2012).

Banyak program pemulihan telah diperkenalkan di sekolah-sekolah rendah seperti Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M), Program Khidmat Guru Pendamping, dan Program Pemulihan 3M (PROTIM) namun, masih ada lagi murid yang belum menguasai kemahiran membaca. Masalah ini telah menyumbang kepada masalah keciciran murid-murid dalam pembelajaran (Unit Rendah, Bahagian Sekolah, 2006). Sekiranya murid-murid ini tidak dapat dipulihkan sehingga tahun enam maka, mereka akan meneruskan persekolahan dalam keadaan tidak tahu membaca.

Rozlan (2009) menyatakan kadar celik huruf di Malaysia ialah sejumlah 88.7% dan berada pada tangga ke-94 daripada 178 buah negara di dunia. Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) telah memperkenalkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan dalam usaha membantu kira-kira 100,000 murid sekolah rendah yang dikenal pasti belum menguasai kemahiran asas membaca (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM, 2008). Antara sasaran utama pelaksanaan garis panduan tersebut ialah memastikan semua murid sekolah rendah yang tidak mempunyai masalah kesihatan dapat menguasai kemahiran membaca selepas Tahap 1 (Tahun 3). Halizah Hamzah (2009), menyatakan sekolah tidak mempunyai kuasa mengubah kelemahan sosial sepenuhnya dalam masyarakat kita, namun perancangan intervensi yang baik dapat membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca. Ini juga termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 dalam Bab 4 yang mana Kementerian Pendidikan Malaysia akan menaik taraf peranan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk memastikan program pemulihan dilaksanakan dengan jayanya. Perkara ini menjadikan JPN dan PPD lebih bertanggungjawab dalam menghasilkan murid-murid yang menguasai kemahiran membaca (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2011).

Pelaksanaan program pemulihan di sekolah rendah dan hubungannya dengan kemahiran membaca sentiasa mendapat perhatian daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehubungan itu, Kurikulum Standard Sekolah Rendah menjadikan kemahiran membaca sebagai sasaran dan matlamat sekolah rendah manakala pengajaran pemulihan pula dijadikan salah satu teras Kurikulum tersebut (KPM, 2012). Hal ini bermaksud, KSSR telah mensasarkan setiap murid boleh membaca apabila melangkah ke sekolah menengah.

Kegagalan menguasai kemahiran membaca juga boleh menghalang pembelajaran murid dan gagal memperoleh ilmu di tahap yang lebih tinggi (Slavin, 2008). Hal ini boleh menjadikan murid-murid tidak bersemangat untuk meneruskan pembelajaran mereka (Abdul Rashid, 2011). Oleh itu, intervensi perlu dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan murid-murid supaya dapat mewujudkan minat belajar. Intervensi yang berkesan akan dapat menghasilkan impak yang positif dan mengurangkan masalah buta huruf. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Program Pemulihan dan Intervensi di sekolah rendah pada tahun 2011.

Program Pemulihan telah dirancang dan dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia semenjak tahun 1960-an lagi. Antara objektifnya adalah untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah khususnya dalam pembelajaran. Maka penekanan kepada guru yang kreatif adalah penting untuk menjayakan proses pengajaran pemulihan di dalam bilik darjah yang kondusif. Marohaini (2004) menjelaskan mengenai sikap dan amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah yang kurang berkesan juga menjadi punca kegagalan murid dalam pembelajaran. Awang Sariyan (2006) pula menambah bahawa pendidikan yang berlaku di sekolah sebagai kurang mampu memenuhi prinsip pembelajaran dan pengembangan potensi murid-murid.

## 1.4 Pelaksanaan Program Pemulihan Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah

Murid-murid yang lemah dalam pencapaian akademiknya, tidak semestinya mempunyai darjah kecerdasan yang rendah. Adakalanya penggunaan bahan bantu mengajar yang kurang sesuai juga boleh menjadi punca murid-murid tidak menguasai kemahiran yang diajar. Namun begitu, kegagalan murid-murid menguasai kemahiran membaca juga mempunyai sebab yang pelbagai. Antaranya, selalu tidak hadir sekolah, rendah motivasi untuk belajar, persekitaran rumah dan sekolah yang tidak mendorong murid-murid untuk minat belajar (Zulkifley, 2005). Apa yang menjadi persoalan ialah ketika negara menuju ke arah Wawasan 2020, didapati masih ramai lagi murid sekolah rendah di seluruh negara yang tidak tahu membaca sama ada di kawasan Bandar atau di luar bandar. Dalam permasalahan ini, guru pemulihan memainkan peranan yang amat penting sebagai pendidik masyarakat untuk mengajar mereka mengenal huruf dan meneruskan pembelajaran di dalam kelas biasa di samping membina keyakinan diri yang positif terhadap pembelajaran (Jabatan Pendidikan Khas, 2008).

Kejayaan murid-murid menguasai kemahiran membaca menunjukkan guru pemulihan sangat inovatif dan efisien dalam mengendalikan kelas pemulihan. Walaupun proses pembelajaran ini adakalannya mengambil masa yang lama untuk berkesan terutamanya murid yang mempunyai tahap kecerdasan yang lambat namun sikap prihatin dan peka terhadap keadaan atau kondisi pembelajaran murid-murid amat diperlukan. Tindakan perlu diambil segera untuk membendung masalah murid-murid yang belum menguasai kemahiran membaca sebelum keadaan menjadi lebih kritikal. Berdasarkan kenyataan di atas maka, pengkaji ingin memerhati pelaksanaan proses pengajaran program pemulihan membaca Bahasa Melayu Tahap 2 di sekolah rendah dan melihat sejauh mana pelaksanaan pengajaran program pemulihan ini memainkan peranan penting dalam membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca. Kajian ini akan melihat dari aspek penggunaan kaedah membaca, bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru pemulihan dan bimbingan serta sokongan daripada pihak pentadbir membantu pelaksanaan program pemulihan ini di sekolah.




**Rajah 2: Rasional Pelaksanaan Pendidikan Pemulihan**
**Sumber: Modul Pemulihan Kementerian Pelajaran Malaysia**

### 1.5 Pemilihan Murid Pemulihan

Bagi murid-murid Tahap Dua, pencalonan murid pemulihan adalah berdasarkan pencalonan guru kelas. Guru pemulihan akan merujuk kepada guru kelas untuk mendapatkan maklumat peribadi dan prestasi murid setelah murid-murid ini dicalonkan masuk ke kelas pemulihan. Berdasarkan rekod peribadi murid, guru pemulihan dapat mengetahui tentang beberapa aspek penting seperti kehadiran murid, perhubungan dengan murid-murid lain dan taraf sosio ekonomi murid. Selain itu, pihak sekolah, guru pemulihan juga boleh berhubung dengan ibu bapa untuk berbincang dan mendapatkan maklumat lebih lanjut tentang anak-anak mereka. Murid-murid ini juga perlu menduduki ujian saringan untuk melayakkan mereka masuk ke kelas pemulihan. Murid yang berjaya melepasi ujian saringan ini akan masuk ke kelas biasa manakala murid-murid yang gagal akan diberi ujian diagnostik atau ujian pengamatan untuk mengetahui tahap pencapaian mereka. Setelah menganalisis dan mengenal pasti tahap pencapaian murid-murid itu, guru pemulihan akan menyediakan rancangan pengajaran kelas pemulihan.

Ujian saringan akan dijalankan oleh guru pemulihan pada awal bulan Januari menggunakan borang Intervensi Pendidikan Pemulihan Membaca dan Menulis (IPP2M). Hasil saringan inilah yang akan melayakkan murid mengikuti Peogram Pemulihan. Ujian Diagnostik pula dijalankan untuk membantu guru mengesan aras

kelemahan dan kekuatan murid secara khusus supaya perancangan pengajaran dan pembelajaran yang lebih teliti dan berkesan dapat disediakan. Murid-murid ini juga perlu menduduki Ujian Pengamatan untuk membantu mengesan tahap pencapaian mereka yang berbeza-beza sebelum layak dicalonkan sebagai murid pemulihan. Penyimpanan rekod prestasi kemajuan murid sangat penting bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran pemulihan dilaksanakan dengan jayanya. Murid pemulihan yang melepasi Ujian Pelepasan akan belajar bersama-sama murid lain di dalam kelas biasa.

Pemantauan dan bimbingan akan dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan murid pemulihan ini dapat menguasai kemahiran membaca dan akan belajar sama seperti murid biasa di dalam kelas biasa. Justeru itu, dalam pelaksanaan program pemulihan ini, guru perlu komited untuk mengenal pasti murid yang layak dicalonkan belajar di dalam kelas pemulihan supaya tidak berlaku keciciran pembelajaran. Guru pemulihan perlu membuat penilaian setiap kali sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan untuk melihat pencapaian murid-murid dan merekodnya dalam fail individu murid-murid untuk melihat perkembangan yang dicapai dari semasa ke semasa. Sebenarnya, murid-murid pemulihan ini mempunyai intelek dan kecerdasan yang sama dengan murid biasa tetapi mereka agak lambat menerima pengajaran guru yang kemungkinan besar disebabkan kaedah pengajaran guru atau bahan bantu mengajar yang digunakan kurang menarik, tidak berkesan dan tidak mengikut tahap pencapaian mereka.

Sekiranya mereka diberi peluang belajar diruang yang kondusif, mempunyai kemudahan yang lengkap dan sentiasa diberi bimbingan secara berfokus dengan aktiviti yang menyeronokkan dan mendapat sokongan yang memberangsangkan daripada keluarganya, sudah pasti hasil prestasi pembelajarannya lebih berkesan (Meimon, 2009). Sikap murid pemulihan banyak dipengaruhi oleh ingatan terhadap huruf (Meimon, 2009), pengetahuan asas membaca murid (Abd Rashid, 2011), penglibatan ibu bapa ( Reading Rockets, 2011), dan sikap ponteng sekolah didapati adalah faktor utama yang menjadi punca murid tidak menguasai kemahiran membaca.




**Rajah 3 : Carta Aliran Pelaksanaan Program Pemulihan**
**Sumber : Jabatan Pendidikan Khas, KPM (2012)**

## 1.6 Penyataan Masalah

Kewujudan Program pemulihan seawal tahun 60-an lagi telah diakui tentang kepentingannya dalam membantu menyelesaikan masalah murid yang belum menguasai kemahiran membaca. Antara faktor utama berlakunya keciciran dalam pembelajaran ini ialah, murid kerap ponteng sekolah disebabkan tidak berminat untuk belajar, tidak rajin menyiapkan latihan yang diberi oleh guru dan ada juga yang lambat menerima pengajaran guru. Walaupun banyak program pemulihan diperkenalkan dan dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah namun, masih wujud lagi murid-murid yang belum menguasai kemahiran membaca dan ada di antara murid yang berpendapat bahawa sekolah tempat yang membosankan dan kurang menyeronokkan menyebabkan ramai di antara mereka yang ponteng sekolah. Walau begaimanapun, menjadi tanggungjawab guru pemulihan untuk memastikan murid-murid ini dibimbing dan diajar sehingga mereka dapat menguasai kemahiran membaca.

Arshad (2006), menyatakan bahawa murid dalam kategori lemah membaca dilabelkan sebagai murid yang gagal untuk menyediakan otak mereka dalam menguasai prinsip asas abjad untuk menjadi seorang pembaca yang mahir. Oleh itu, mereka ini perlu dikumpulkam dan dimasukkan dalam kelas pemulihan untuk dibimbing dan diajar membaca supaya dapat menguasai kemahiran membaca seperti murid-murid yang lain. Biasanya bilangan murid yang tercicir dalam pelajaran ini mempunyai jumlah yang sedikit, dengan ini guru pemulihan pasti dapat memberikan perhatian kepada setiap individu yang berada dalam kelas pemulihan dan menangani masalah pembelajaran yang mereka hadapi (Zulkifley, 2005). Namun begitu, jumlah yang sedikit ini amat sukar untuk dipulihkan walaupun kelas pemulihan dijalankan setiap hari.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP, 2002) pula mendapati masih ada murid yang belum menguasai kemahiran membaca walaupun telah mengikuti kelas pemulihan. Dapatan kajian membuktikan 48 (1.7%) orang guru pemulihan mengatakan tiada seorang pun murid pemulihan di sekolah mereka boleh menguasai kemahiran membaca. Manakala 1160 (4.7%) orang guru mengatakan hanya sebahagian kecil sahaja murid pemulihan yang berjaya dipulihkan. Data temu bual pula menunjukkan masih ramai murid yang belum boleh menguasai kemahiran membaca walaupun telah berada di Tahun 6 dan telah mengikuti program pemulihan, manakala ada juga murid-murid pemulihan yang berjaya dipulihkan tetapi terpaksa dimasukkan semula ke kelas pemulihan kerana tidak dapat mengikuti proses pembelajaran seperti murid-murid yang lain. Bahkan masalah ini menjadi bertambah serius lagi apabila didapati masih ada guru yang mempraktikkan pendekatan pembelajaran konvensional yang sehala di sekolah-sekolah (Marohaini, 2006). Guru pemulihan perlu kreatif dan inovatif dalam pengajarannya.

Penggunaan kaedah membaca yang sesuai amat penting untuk diaplikasikan dalam kelas pemulihan. Pemilihan kaedah membaca atau kaedah-kaedah yang akan digunakan bergantung kepada kemahiran yang diajar yang boleh mempengaruhi kebolehan dan kesungguhan murid-murid dalam pembelajaran. Guru pemulihan disarankan agar menggunakan kaedah membaca yang mengikut tahap kecerdasan mereka supaya setiap murid yang dimasukkan dalam kelas pemulihan dapat dipulihkan dan bukan sahaja dapat menguasai kemahiran membaca tetapi juga dapat meneruskan pembelajaran mereka seperti murid yang lain. Sebelum ini juga terdapat banyak komen dan kritikan tentang kesan pelaksanaan program pemulihan ini di sekolah-sekolah (BPPDP, 2002). Iklim pengajaran dan pembelajaran yang tidak memberangsangkan menjadi salah satu

punca program pemulihan tidak dapat dijalankan dengan efisien. Di samping itu, suasana bilik darjah yang tidak kondusif juga memainkan peranan penting tentang keberkesanannya pelaksanaan program pemulihan di damping kekurangan guru pemulihan yang terlatih. Data Jabatan Pendidikan Khas menunjukkan hanya 20 % guru-guru yang mengajar kelas pemulihan mempunyai latihan dan terdapat pula guru pemulihan yang masih mengajar kelas biasa. Akibatnya program pemulihan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Berdasarkan beberapa kajian lepas mendapati bahawa murid yang bermasalah dalam kemahiran membaca biasanya akan turut bermasalah dalam bidang akademik (Chatterji, 2006). Hal ini kerana murid perlu mahir membaca untuk meluaskan ilmu pengetahuan dalam pembelajaran. Tambahan lagi, pengajaran yang berkesan memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang luas terhadap mata pelajaran serta mempunyai kefahaman terhadap aspek pembelajaran (Tay Meng Huat 2003).

Guru pemulihan telah didedahkan dengan pelbagai kaedah pengajaran dalam ilmu pedagogi dan sepatutnya tidak boleh memandang remeh atas kelemahan murid dalam pembelajaran itu tetapi sebaliknya guru perlu sentiasa berusaha dan mencari kaedah yang pelbagai untuk membantu mengeluarkan murid-murid itu dari kepompong masalah membaca. Kaedah membaca yang bersesuaian dengan tahap pencapaian murid lebih banyak membantu dalam pengajaran guru. Namun terdapat juga guru pemulihan yang tidak menggunakan kaedah membaca yang dianggap bersesuaian dengan kelas pemulihan.

Kaedah membaca yang sesuai merupakan satu elemen penting bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan menarik dan berkesan. Penggunaan kaedah membaca yang sesuai akan membantu murid faham apa yang diajar. Masalahnya, adakah guru pemulihan begitu prihatin dalam memilih kaedah membaca yang sesuai untuk pengajaran di dalam kelas pemulihan? Kajian Menzies (2008), mendapati bahawa ada peningkatan sebanyak 75% murid semakin boleh membaca jika mereka diberikan kaedah “rawatan” yang betul. Namun kebanyakan guru menggunakan buku latihan untuk menyalin latihan yang diberi tanpa ada aktiviti latih tubi. Penggunaan kaedah membaca yang bijak akan menjamin kelicinan dan keberkesanan penyampaian pengajaran malah akan menjadi lebih bermakna dan menyeronokkan murid-murid (Abdul Ghafar, 2003).

Masalah seterusnya ialah penggunaan bahan bantu mengajar yang tidak memberi kesan dalam pembelajaran kelas pemulihan. Guru pemulihan seharusnya menyediakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan tahap kecerdasan murid-murid pemulihan. Biasanya, bahan bantu mengajar digunakan untuk menarik perhatian murid-murid serta menimbulkan minat mereka untuk belajar. Menurut Rosmilawati (2006), persediaan dari segi bahan bantu mengajar dan persediaan bilik darjah yang kondusif boleh membantu murid-murid memahami proses pengajaran guru dengan mudah dan pembelajaran dapat berjalan dengan selesa. Hakikatnya, bahan bantu mengajar merupakan suatu media yang boleh mengaitkan hubungan guru dengan murid-murid dan secara tidak langsung interaksi antara mereka akan dibentuk. Namun amalan penggunaan bahan bantu mengajar yang efektif ini masih belum seratus peratus dilaksanakan memandangkan keperluan guru memberikan masa, tenaga dan wang ringgit untuk menyediakannya (Sufean, 2005). Proses pengajaran yang kurang menarik juga menjadi punca murid-murid ponteng sekolah. Apabila perkara ini berlaku mereka akan ketinggalan dalam pengajaran guru berbanding dengan rakan yang lain. Ibu bapa tidak seharusnya menggalakkan anak-anak mereka berada di rumah pada waktu

persekolahan. Malah mereka perlu bekerjasama dengan pihak sekolah untuk mengatasi masalah murid-murid pemulihan ini. Pengajaran yang menarik dan berkesan ialah pengajaran yang boleh mencapai objektif yang cemerlang sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat, negara dan ummah. Di samping itu, guru perlu berbakat dan mempunyai seni dalam merancang dan menyampaikan pengajaran kepada murid-murid yang mempunyai pelbagai tahap pencapaiannya (Baharom, 2010).

Selain penggunaan kaedah membaca yang berkesan dan penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik dalam pengajaran dan pembelajaran pemulihan, pihak pentadbir sekolah juga terutamanya guru besar, perlu membantu, membimbing dan sentiasa memberi sokongan dan nasihat kepada guru pemulihan. Guru besarlah pemimpin sekolah rendah yang pertama menjadi pakar rujuk kepada guru-gurunya. Oleh itu, guru besar perlu peka tentang pelaksanaan pengajaran Program pemulihan di sekolah beliau. Pelaksanaan Program pemulihan ini tidak akan berjaya tanpa bantuan beliau. Guru pemulihan perlu dipantau, dibimbing dan sentiasa menerima teguran daripada guru besar untuk penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Setiap isu dan masalah perlu dibincang bersama-sama antara guru pemulihan dengan guru besar untuk mencari jalan bagaimana mengatasi masalah murid-murid yang belum menguasai kemahiran membaca. Perbincangan ini bukan sahaja perlu dilakukan antara guru besar dengan guru pemulihan bahkan juga perlu dibincangkan bersama-sama dengan ibu bapa yang mempunyai anak dalam kelas pemulihan khasnya. Kemungkinan kerjasama yang terjalin ini dapat membantu meringankan beban guru pemulihan dan seterusnya mencari jalan penyelesaian mengatasi masalah membaca murid-murid.

BPPDP (2002) mendapati masih terdapat guru pemulihan yang bekerja dalam keadaan tertekan kerana tidak cukup sumber rujukan untuk dijadikan panduan. Masalah-masalah lain termasuklah kurang kerjasama daripada pihak pentadbir sekolah dan rakan sekerja serta kurang sokongan dan kerjasama daripada ibu bapa (BPPDP, 2002). Manakala, hasil kajian Bahagian Perancangan & Pengkajian Dasar Pendidikan (2002) seorang guru pemulihan telah menyatakan bahawa tiada langsung pencerapan atau pemantauan dilakukan sama ada oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) ataupun  Nazir sepanjang 10 tahun beliau mengajar kelas pemulihan di sekolah beliau termasuklah guru besar itu sendiri. Malahan guru pemulihan selalu tidak dipedulikan oleh pihak pentadbir. Sebaliknya, pihak pentadbir lebih suka memantau kelas peperiksaan iaitu kelas Tahun 6. Memandangkan tiada pemantauan dijalankan maka segala masalah yang dihadapi oleh guru pemulihan tidak mendapat perhatian dan tidak dapat diatasi. Adakah situasi sebegini menjadi salah satu faktor pelaksanaan pengajaran program pemulihan membaca Bahasa Melayu itu kurang berkesan?

Merujuk kepada permasalahan ini, pengkaji mengambil peluang menjalankan kajian yang berdasarkan objektif kajian untuk mengumpul data berkaitan pelaksanaan pengajaran Program pemulihan membaca Bahasa Melayu Tahap Dua di sekolah rendah. Sekiranya kajian ini dapat didokumentasikan, maka hasil dapatannya boleh dikongsi bersama-sama untuk dijadikan rujukan sebagai penambahbaikan dalam pelaksanaan pengajaran Program pemulihan bukan sahaja dari segi penggunaan kaedah membaca yang berkesan dan bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik malah dari segi tanggungjawab, bimbingan dan pemantauan guru besar juga perlu dijalankan dari semasa ke semasa untuk menampakkan keberhasilannya pelaksanaan pengajaran Program pemulihan membaca Bahasa Melayu sekolah rendah ke arah yang lebih positif dan cemerlang.

## 1.7 Objektif Kajian

Berdasarkan penyataan masalah, kajian ini dijalankan untuk melihat dan mengenal pasti sejauh mana pelaksanaan Program pemulihan membaca Bahasa Melayu ini dapat membantu murid-murid yang belum menguasai kemahiran membaca. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat sejauh mana guru pemulihan berjaya mengajar dan membimbing murid-murid pemulihan ini sehingga berjaya. Secara khususnya kajian ini mempunyai beberapa objektif iaitu;

1. Meneliti penggunaan kaedah membaca guru pemulihan di dalam bilik darjah pemulihan.

2. Mengenal pasti penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dalam pelaksanaan program pemulihan membaca Bahasa Melayu.

3. Melihat tentang sokongan pentadbir dalam membantu guru pemulihan melaksanakan pengajaran kelas pemulihan membaca Bahasa Melayu.

## 1.8 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana pelaksanaan program pemulihan ini dapat membantu mengatasi masalah murid-murid buta huruf. Oleh itu, setiap jawapan dan maklumat yang diperoleh akan menjawab persoalan-persoalan yang berikut.

1. Apakah kaedah membaca yang digunakan oleh guru pemulihan di dalam pengajaran kelas pemulihan?

2. Apakah kefahaman guru pemulihan tentang kepentingannya menggunakan bahan bantu mengajar di dalam kelas pemulihan?

3. Apakah peranan pentadbir sekolah dalam membantu menjayakan pelaksanaan program pemulihan membaca Bahasa Melayu di sekolah rendah?

Untuk mendapat maklumat bagi menjawab semua persoalan di atas, pengkaji membuat pemerhatian dalam kelas semasa proses pengajaran guru pemulihan dilaksanakan. Pengkaji juga akan menjalankan sesi temu bual bersama-sama dengan guru pemulihan untuk mendapatkan maklumat yang lebih lengkap tentang pelaksanaan pengajaran Program pemulihan membaca Bahasa Melayu di sekolah rendah dalam membantu mengatasi masalah membaca murid.

## 1.9 Kepentingan Kajian

Program pemulihan Bahasa Melayu merupakan langkah-langkah khusus yang dijalankan untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah menguasai kemahiran membaca. Murid-murid ini perlu dipulihkan sebaik sahaja masalah pembelajaran mereka dapat dikesan. Namun begitu, adakah semua murid yang dimasukkan dalam kelas pemulihan itu berjaya dipulihkan? Terdapat juga beberapa orang murid yang masih belum Berjaya dipulihkan walaupun sudah dua tahun mengikuti kelas pemulihan. Apakah faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku?

Adakah pengajaran guru yang menjadi punca kegagalan murid menguasai kemahiran membaca atau faktor murid itu sendiri yang sukar untuk belajar?

Oleh itu, kajian ini akan melihat sejauh mana pelaksanaan Program pemulihan membaca Bahasa Melayu sekolah rendah dapat membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca. Dalam hal ini kaedah membaca yang digunakan oleh guru pemulihan dan bahan bantu mengajar memainkan peranan penting untuk merealisasikan matlamat dan objektif pelaksanaan Program pemulihan dalam membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca.

### 1.9.1 Guru Pemulihan Bahasa Melayu

Guru Bahasa Melayu yang diberi keutamaan untuk mengajar kelas pemulihan adalah guru yang mempunyai opsyen pemulihan. Mereka akan didedahkan mengenai pedagogi yang berkaitan tentang pengajaran dan pembelajaran pemulihan. Guru pemulihan mempunyai kepakaran yang khusus untuk mengajar murid-murid yang lemah menguasai kemahiran membaca khasnya. Selepas tamat pengajian, mereka akan dilantik dan dihantar ke sekolah-sekolah yang melaksanakan program pemulihan. Guru pemulihan bertanggungjawab untuk memastikan setiap murid yang dicalonkan mengikuti kelas pemulihan berjaya dipulihkan.

Kelayakan yang perlu diambil kira untuk melantik guru pemulihan ialah:

a. Sijil Kursus Asas Pemulihan Khas yang dianjurkan oleh KPM / JPN / PPD

b. Sijil Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP) Pemulihan Khas 14 Minggu

c. Sijil Kursus Dalam Cuti (KDC) Pemulihan Khas 6 Bulan

d. Diploma Khas Pendidikan Pemulihan Khas (KDP Sijil Perguruan Khas Pendidikan Pemulihan khas (KSPK) 1 tahun).

e. Ijazah Sarjana Muda Pemulihan Khas ( KPLI )

f. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas (Pemulihan Khas)

g. Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) Pemulihan

h. Sekiranya seseorang guru pemulihan tidak mempunyai kelayakan seperti di atas, maka pengalaman mengajar Kelas Pemulihan Khas sekurang-kurangnya 3 tahun boleh diambil kira.

### 1.9.2 Murid Pemulihan

Murid pemulihan ialah murid yang menghadapi kesukaran dalam penguasaan kemahiran asas 3M disebabkan oleh faktor persekitaran dan bukan kognitif (Jabatan Pendidikan Khas, 2008). Namun, dalam kajian ini mereka bukanlah sebagai peserta kajian kerana pengkaji hanya ingin melihat pelaksanaan pengajaran guru pemulihan sahaja. Selain itu, murid pemulihan juga ialah murid yang menghadapi masalah pembelajaran yang berkemungkinan disebabkan oleh beberapa faktor seperti ketidak sesuaian pemilihan kaedah membaca guru, penggunaan bahan bantu mengajar yang

kurang berkesan, murid-murid yang bersifat negatif terhadap pembelajaran dan sering tidak hadir ke sekolah. Oleh itu, guru perlu mengenal pasti tahap kecerdasan murid-murid dengan menggunakan instrumen yang sedia ada untuk melayakkan mereka sama ada mengikuti kelas pemulihan atau di sebaliknya. Antara instrument yang digunakan ialah;

- Instrumen Penentu Penguasaan 2M (IPP 2M)
- Penilaian Kendalian Berasaskan Sekolah (PKBS)
- Pemerhatian guru
- Perbincangan dengan guru besar, guru kelas, guru Bahasa Melayu dan ibu bapa

### 1.10 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan guru pemulihan bahasa Melayu yang mengajar di empat buah Sekolah Kebangsaan (SK) sahaja. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kajian kes dan hanya terbatas kepada aspek pelaksanaan pengajaran Program pemulihan membaca bahasa Melayu Tahap dua di sekolah rendah (SK). Melalui kajian ini, pengkaji telah menyentuh tentang pelaksanaan pengajaran Program pemulihan yang melibatkan kemahiran membaca bahasa Melayu serta kaedah membaca guru dan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru pemulihan dalam pengajaran kelas pemulihan. Peserta kajian yang dipilih ialah guru pemulihan yang terlibat dalam melaksanakan Program pemulihan membaca Bahasa Melayu di sekolah rendah. Oleh itu, pemilihan perserta kajian menggunakan persampelan bertujuan kerana segala persoalan akan merujuk kepada guru yang pakar tentang pengajaran dan pembelajaran kelas pemulihan. Justeru, hanya guru pemulihan yang akan menjawab beberapa soalan yang diperlukan bagi mengukuhkan dapatan pengkaji dan dibantu oleh pentadbir sekolah terutamanya guru besar sekolah jika ada soalan yang perlu dikemukakan.

Segala maklumat yang diperoleh daripada peserta kajian adalah berdasarkan maklum balas melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian pengkaji dalam kelas, catatan lapangan dan rakaman audio yang dibuat. Setiap program pemulihan yang dilaksanakan di sekolah rendah yang terpilih dalam kajian ini akan dibincangkan untuk melihat pelaksanaannya di sekolah dari segi kaedah membaca guru dan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru pemulihan dalam pengajaran. Oleh itu, dapatan kajian yang diperoleh akan dibincangkan, dihuraikan dan dirumuskan untuk melaporkan segala pandangan daripada peserta kajian tentang pelaksanaan dan pencapaian program pemulihan membaca Bahasa Melayu di sekolah rendah serta mengenal pasti punca mengapa masih ramai murid tidak menguasai kemahiran membaca walaupun telah mengikuti kelas pemulihan.

### 1.11 **Definisi Operasional**

Beberapa konsep dan istilah digunakan dalam kajian ini dan telah diberi definisi secara operasional bagi memudahkan pelaksanaan dan pemahaman keseluruhan kajian. Oleh itu, beberapa pendapat pengkaji dan peserta kajian telah digunakan sebagai rujukan kajian.

#### 1.11.1 Program Pemulihan Bahasa Melayu

Program pemulihan ialah sebuah rancangan pembelajaran yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia semenjak tahun 1960an dan disediakan untuk

membantu murid-murid yang mengalami masalah dalam menguasai kemahiran membaca. Program pemulihan ini dikendalikan oleh guru-guru pemulihan. Guru pemulihan akan menjadikan sukatan pelajaran sebagai garis panduan dan rujukan dalam pengajaran supaya segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dirancang dengan betul.

Guru yang mengajar kelas pemulihan adalah guru yang terlatih khas untuk kelas pemulihan. Kelas pemulihan mempunyai jumlah murid yang sedikit berbanding dengan kelas yang biasa. Setiap murid mempunyai tahap pencapaian yang berbeza dan guru perlu tahu tahap setiap murid supaya kaedah pengajaran membaca yang digunakan itu bersesuaian dengan tahap pengetahuan murid-murid. Di samping itu, guru pemulihan juga bertanggungjawab memupuk serta mengembangkan sikap yakin diri dan sikap positif murid-murid pemulihan terhadap pembelajaran. Justeru, dengan terlaksananya Program pemulihan ini diharap agar murid-murid pemulihan mendapat peluang yang sama untuk melibatkan diri sepenuhnya dengan aktiviti-aktiviti sosial sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Kejayaan guru pemulihan mengajar murid-murid membaca mengambarkan keberkesanan pelaksanaan pengajaran program pemulihan di sekolah rendah seterusnya membolehkan murid-murid meneruskan pelajaran mereka dalam sistem persekolahan biasa.

Namun begitu, pelaksanaan Program pemulihan ini memerlukan kerjasama dan sokongan daripada guru besar dan semua guru untuk mempastikan program ini dapat dijalankan dengan sempurna dan berkesan. Guru pemulihan perlu diberi keutamaan untuk menjalankan tugasnya dan bukannya diarahkan untuk menggantikan guru-guru bercuti atau menghadiri kursus di luar kawasan sekolah. Sekiranya keadaan ini sering berlaku maka ianya akan menjadi salah satu faktor penyebab mengapa program pemulihan itu tidak dapat berfungsi dengan betul dan akibatnya boleh menjejaskan pembelajaran murid-murid pemulihan. Guru besar perlu memastikan agar kelas pemulihan tetap beroperasi walaupun ada guru yang tidak hadir ke sekolah. Sebaliknya beliau perlu berusaha untuk menyediakan satu tempat alternatif yang sesuai sekiranya sekolah tidak ada bilik untuk dijadikan bilik darjah pemulihan.

### 1.11.2 Pengajaran Kelas Pemulihan Bahasa Melayu

Pengajaran kelas pemulihan perlu dirancang dan dijalankan dengan betul supaya dapat membantu murid-murid pemulihan untuk menguasai kemahiran membaca. Pemilihan kaedah membaca dan bahan bantu mengajar yang sesuai perlu ditekankan supaya pengajaran guru pemulihan lebih menarik dan berfokus. Suasana pembelajaran yang kondusif, teratur serta terancang perlu diwujudkan untuk menarik minat murid-murid ini belajar. Selain mewujudkan kelas yang kondusif, hubungan dua hala antara murid dengan murid, murid dengan guru juga perlu dijalinkan bagi menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Setiap aktiviti pembelajaran yang dirancang dan dilaksanakan di dalam kelas pemulihan perlu libatkan semua murid yang hadir.

Guru berperanan mengatur langkah-langkah yang sesuai dalam pengelolaan sesi pemulihan, menguruskan aktiviti pembelajaran, menentukan strategi pengajaran dan pembelajaran, menyediakan bahan, menjalankan aktiviti penilaian serta mengambil tindakan susulan. Sekiranya jumlah murid pemulihan itu sedikit dan sekolah tidak mempunyai guru pemulihan maka, pembelajaran pemulihan akan dijalankan dalam bilik darjah iaitu semasa murid-murid lain menjalankan aktiviti pengayaan.

Adakalanya bimbingan secara individu perlu diadakan untuk memberi peluang kepada murid-murid meluahkan perasaan sekiranya mereka tidak faham pengajaran guru. Mereka juga perlu diberi latihan yang sesuai sebagai pengukuhan. Pengajaran yang berkesan dapat mencapai objektif pengajaran guru (Tuah Jah, 2010). Guru perlu memberi peluang kepada semua murid pemulihan untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran supaya dapat memupuk keyakinan diri serta wujud semangat ingin mencuba.




**Rajah 4: Pengajaran Pemulihan**

Oleh itu guru perlu mahir dalam ilmu pedagogi pemulihan. Penggunaan kaedah membaca perlu dipelbagaikan mengikut tahap pencapaian murid-murid pemulihan. Namun keberkesanan sesuatu kaedah membaca itu bergantung kepada banyak faktor. Pengetahuan yang luas tentang kaedah-kaedah membaca sahaja belum tentu dapat menjamin menghasilkan pembelajaran yang bermakna dan berkesan. Ibu bapa juga perlu tahu setiap perkembangan anak mereka di sekolah terutamanya yang mempunyai anak dalam kelas pemulihan.

### 1.11.3 Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca merupakan salah satu daripada empat kemahiran bahasa yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa. Membaca bukanlah bermakna memindahkan tulisan kepada suara sahaja tetapi juga memahami apa yang dibaca. Seseorang murid yang boleh membaca tetapi tidak memahami apa yang dibaca masih tidak dikira pandai membaca. Kemahiran membaca adalah lanjutan daripada kemahiran-kemahiran asas seperti kemahiran mendengar dan bertutur. Membaca boleh ditakrifkan sebagai gabungan proses menyuarakan lambang-lambang tulisan, mengamati serta memahaminya. Guru mempunyai peranan yang besar untuk memastikan murid-murid boleh membaca. Melalui pembacaan murid-murid mampu menimba ilmu pengetahuan yang tidak dapat diperoleh menerusi pengalaman biasa yang lain. Membaca juga dapat mendidik seseorang itu banyak berfikir dalam membuat keputusan. Membaca dapat membantu memperluaskan idea serta meningkatkan daya berfikiran tinggi seseorang dalam pelbagai bidang. Menurut Zainal & Suhaila (2010),

membaca adalah satu proses psikolinguistik yang bermula dari detik murid memerhatikan perkataan pada muka surat hingga detik mereka dapat membentuk makna. Hal ini menjelaskan bahawa sepanjang proses membaca terdapat interaksi antara bahasa dengan pemikiran.

Menurut Yahya (2005), membaca merupakan proses interaksi antara teks dengan imaginasi pembaca. Pusat Perkembangan Kurikulum (2008) menyatakan, kemahiran membaca merupakan kebolehan murid-murid membaca bahan sastera dan bukan sastera dengan sebutan dan intonasi yang betul dan lancar serta memahami bahan yang dibaca. Pelbagai kaedah membaca digunakan kepada murid-murid pemulihan untuk memastikan mereka dapat menguasai kemahiran membaca. Dalam konteks pelaksanaan KIA2M (PPK,2006), kemahiran asas membaca terbahagi kepada dua, iaitu kemahiran teras dan kemahiran lanjutan. Namun begitu, kajian ini berfokus kepada kemahiran teras sahaja. Kemahiran teras merangkumi kemahiran membaca abjad, kemahiran membaca suku kata, kemahiran membaca perkataan dan kemahiran membaca ayat.

Kemahiran membaca perlu dikuasai seawal tahun satu persekolahan kerana kegagalan menguasai kemahiran membaca adalah punca membawa kepada masalah keciciran murid-murid di dalam kelas. Guru perlu membuat ujian atau penilaian untuk menentukan tahap kebolehan membaca murid-murid tahun satu. Guru harus menyedari bahawa murid-murid yang memasuki tahun satu adalah terdiri daripada latar belakang keluarga serta sosio ekonomi yang berbeza. Oleh itu, kebolehan dan kemahiran membaca dalam kalangan mereka kemungkinan juga berbeza. Kesediaan membaca murid-murid juga perlu diambil kira. Kesediaan membaca ialah kemampuan seseorang murid untuk menerima pengajaran dan pembelajaran dari segi mental, emosi dan fizikal (Khairuddin, 2011).

Kesediaan membaca juga satu proses yang perlu dicapai sebelum pengajaran bacaan secara formal dijalankan. Kebanyakan murid yang tidak mengikuti prasekolah biasanya akan menghadapi masalah membaca apabila mereka berada di tahun satu. Bagi mengatasi masalah membaca, guru hendaklah memberi perhatian kepada perasaan murid dan bahasa murid. Guru hendaklah memberikan pengalaman kepada murid supaya mereka bersedia untuk membaca. Guru perlu memberi peluang kepada murid merapatkan dirinya dengan guru. Cara ini boleh menimbulkan keyakinan murid-murid. Guru juga perlu melatih murid-murid supaya boleh memerhati sesuatu dengan baik dan cuba mengecam maknanya.

Menurut Ahmad Marzuki (2007) membaca adalah satu aktiviti yang dapat menambahkan pengetahuan serta boleh memberi kesan yang besar dalam pembentukan sahsiah diri. Menurut Mastuti (2008) membaca ialah pentafsiran perkataan dan pemahaman bahasa. Namun begitu, sistem asas pembelajaran membaca di negara ini kebanyakannya berdasarkan binaan dan gabungan bunyi suku kata serta bermula dengan perkataan dua suku kata terlebih dahulu. Malangnya, jumlah murid hanya mampu membaca dua suku kata lebih ramai berbanding murid-murid yang membaca ayat. Program pemulihan tahap dua ini dilaksanakan dengan harapan dapat membantu murid-murid yang lemah membaca. Namun sejauh manakah kejayaan program pemulihan itu dapat membantu murid-murid membaca belum dapat dipastikan kerana tidak semua murid yang berada dalam kelas pemulihan itu berjaya menguasai kemahiran membaca. Sesuai dengan kenyataan ini, pengkaji mengambil keputusan untuk melihat sejauh mana pelaksanaan pengajaran Program pemulihan membaca ini

dijalankan di sekolah rendah dan adakah kaedah membaca guru serta bahan bantu mengajar itu dapat membantu murid-murid pemulihan menguasai kemahiran membaca. Seseorang murid yang berjaya menguasai kemahiran membaca bermakna dia telah berjaya meroboh tembok antara dirinya dengan ilmu pengetahuan dari pelbagai sumber (Zulkifley, 2006).

Proses membaca terdiri daripada empat jenis iaitu bacaan sebagai proses bahasa, pengamatan, pengetahuan dan deria. Proses membaca sebagai proses bahasa bermakna dengan membaca murid-murid boleh berkomunikasi dan menulis dengan baik. Proses pengamatan ialah aktiviti yang boleh melibatkan ingatan, memahami dan membuat kesimpulan. Proses membaca sebagai pengetahuan ialah murid boleh berfikir dan faham apa yang dibaca. Manakala, proses membaca sebagai proses deria pula ialah aktiviti membaca yang melibatkan deria penglihatan dan pendengaran.




**Rajah 5 : Proses membaca**

Zulkifley (2006) menyatakan, membaca merupakan gabungan beberapa proses yang kompleks iaitu proses mengamati, mengingat, mendengar dan membezakan bunyi-bunyi dengan tepat dan jelas. Namun begitu, dalam proses pembelajaran pemulihan kemahiran membaca, strategi kognitif murid amat memainkan peranan penting. Memang diakui bahawa pada peringkat awal murid-murid, pembelajaran membaca merupakan satu proses yang sukar untuk dikuasai, dilaksanakan, dan menjadi satu tugas yang mencabar kepada guru-guru terutama guru pemulihan kerana pengajaran dan pembelajaran membaca merupakan pengajaran secara individu (Yahya, 2005). Menjadi satu keperluan asas bagi murid-murid supaya dapat menguasai kemahiran

membaca di peringkat sekolah rendah lagi supaya tidak menjadi masalah apabila melangkah ke sekolah menengah. Menurut Yahya (2008), membaca itu ialah gerbang kepada pembelajaran dan bersesuaian dengan tuntutan ke arah pembentukan masyarakat yang bermaklumat. Dalam usaha menjadikan pengajaran dan pembelajaran bacaan itu menyeronokkan, guru perlu faham tahap penguasaan murid-murid dalam menyediakan bahan bacaan yang sesuai. Tambahan beliau, proses membaca adalah satu usaha berterusan yang dilakukan oleh pembaca melalui amalan kognitifnya bagi memperoleh makna teks yang dibaca.

Kesimpulannya, membaca merupakan proses yang kompleks dan perlu dikuasai oleh murid-murid. Sebelum menguasai kemahiran membaca mereka perlu menguasai kemahiran asas bacaan seperti mengenal huruf yang menjadi lambang kepada bunyi-bunyi, mengenal system ejaan, mengetahui sebutan perkataan mengikut suku kata dan seterusnya boleh membaca ayat mudah.

### 1.11.4 Kaedah Membaca Kelas Pemulihan Bahasa Melayu

Kaedah membaca merupakan satu siri tindakan guru yang sistematik yang bertujuan untuk mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan. Terdapat pelbagai kaedah membaca yang boleh digunakan oleh guru pemulihan untuk menyampaikan pengajarannya.

Ab. Halim (2003) mendapati terdapat pelbagai kaedah dan strategi pengajaran yang dikemukakan oleh pakar pendidikan untuk dijadikan panduan dalam pengajaran guru. Namun begitu, tidak ada satu kaedah membaca yang boleh dikatakan sebagai kaedah terbaik sebaliknya guru perlu bijak mempelbagaikan kaedah membaca yang bersesuaian dengan tahap pengetahuan atau kecerdasan murid-murid pemulihan supaya penyampaiannya lebih menarik dan berkesan. Penyampaian guru yang menarik boleh menggalakkan murid rajin hadir ke sekolah. Oleh itu, beberapa faktor perlu difikirkan agar kaedah membaca yang digunakan oleh guru dapat memberi kesan yang positif di dalam pengajaran kelas pemulihan.




**Rajah 6 : Kaedah membaca kelas pemulihan**

Salah satu masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Program pemulihan ialah penggunaan kaedah membaca guru yang kurang berkesan. Setiap guru pemulihan disarankan supaya memikirkan objektif pengajaran yang hendak dicapai dan bahan bantu mengajar yang hendak digunakan sebelum memilih kaedah yang sesuai. Di samping itu, latar belakang murid dan jumlah murid pemulihan juga perlu diambil kira. Pemilihan kaedah membaca yang sesuai adalah penting untuk mengekalkan perhatian murid terhadap sesi pengajaran guru. Apabila murid-murid berminat dengan kaedah membaca yang digunakan oleh guru, perhatian murid akan lebih berfokus dan menyeronokkan seterusnya boleh membangkitkan rasa ingin tahu dalam diri mereka.

### 1.11.5 Bahan Bantu Mengajar Kelas Pemulihan

Menurut Khairudin (2011), bahan bantu mengajar merupakan pelbagai bahan yang digunakan guru secara langsung semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah berlaku. Tujuannya untuk menarik minat murid sepanjang tempoh pembelajaran di samping dapat menyampaikan pengajaran guru yang berkesan. Bahan bantu mengajar juga merupakan instrumen dalam membantu pemahaman murid-murid. Pembelajaran memerlukan rangsangan dan kecerdasan pemikiran untuk menarik perhatian murid-murid supaya rajin belajar. Tindak balas atau rangsangan yang diterima daripada alam sekeliling menjadi bahan untuk diproses oleh kecerdasan dan yang kemudiannya akan lahir sebagai pengetahuan atau pengalaman. Bahan bantu mengajar sememangnya membantu merangsang pembelajaraan murid. Bahan bantu mengajar yang menarik akan memberi impak yang positif terhadap pembelajaraan murid di samping dapat menyelesaikan pelbagai kaedah pengajaran guru yang berubah

mengikut peredaran zaman. Tindak balas atau rangsangan yang sukar diterima tidak akan dapat diproses dan tidak akan menjadi pengalaman dalam diri murid-murid. Oleh itu, kecemerlangan seseorang murid itu tidak akan tercapai jika kurang mendapat rangsangan semasa sesi pengajaran guru. Berdasarkan kenyataan di atas, ini menggambarkan bahawa peranan guru dalam menentukan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran sangat penting.

Pemilihan bahan bantu mengajar perlulah bersesuaian dengan tajuk yang diajar dan mengikut tahap pencapaian murid-murid. Penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik adalah di antara aspek utama yang memberi kesan terhadap peningkatan prestasi murid-murid. Untuk menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai dalam sesuatu situasi pengajaran dan pembelajaran itu, guru hendaklah memproses bahan-bahan itu terlebih dahulu sebelum digunakan. Beberapa langkah boleh digunakan dalam memilih bahan bantu mengajar yang sesuai. Antaranya ialah memilih, membina, menggunakan dan menilai bahan bantu mengajar. Proses ini merupakan satu kaedah yang berterusan dan harus dilakukan berdasarkan kriteria pemilihan bahan yang telah ditetapkan.




**Rajah 7: Bahan Bantu Mengajar**

Proses penyediaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran mestilah mudah dan jelas penyampaiannya dan murid dapat mentafsir mesej yang hendak disampaikan oleh guru melalui bahan bantu mengajar. Selain itu, pemilihan bahan bantu mengajar guru perlulah bermakna supaya penggunaannya dapat mewujudkan interaksi yang aktif antara guru dengan murid, antara murid dengan murid dan yang tidak kurang penting juga ialah antara murid dengan bahan bantu mengajar. Sehubungan itu, penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran pemulihan akan dapat membantu memfokuskan perhatian dan tumpuan murid-murid tentang kemahiran yang diajar.

Namun demikian, bahan bantu mengajar guru perlulah dapat menunjukkan kesinambungan idea dan keharmonian murid-murid belajar. Kajian Fuziati (2012) menunjukkan penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik dan berkesan dapat memberangsangkan minat murid-murid untuk belajar di samping dapat meningkatkan pencapaian murid-murid dalam menguasai kemahiran membaca.

Terdapat tiga kepentingan bahan bantu mengajar iaitu, pertama membantu guru dalam proses pengajaran dan memainkan peranan sebagai membantu tugas guru dalam menerangkan isu pelajaran. Kedua, dapat mengawal disiplin murid semasa berada dalam kelas dan yang terakhir ialah mengurangkan kebosanan murid semasa berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, masih terdapat guru-guru yang terpaksa berkongsi bahan bantu mengajar dengan guru lain. Alasan yang diberikan ialah tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membeli bahan bantu mengajar.

Pelbagai bahan bantu mengajar digunakan sebagai satu cara untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan juga dapat membantu guru menyampaikan pengajaran dengan mudah, cepat dan menarik. Di samping dapat memberi peluang kepada murid-murid untuk memperoleh pengetahuan melalui penggunaan pelbagai deria seperti deria penglihatan, deria sentuh dan deria pendengaran.

### 1.11.6 Pengurusan Bilik Darjah Pemulihan

Pengajaran dan pembelajaran kelas pemulihan dijalankan di dalam bilik darjah khas di sekolah-sekolah harian biasa. Bilik darjah merupakan tempat murid-murid belajar dan berbincang untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Bilik darjah ini akan dikendalikan oleh guru pemulihan yang terlatih. Oleh itu, bilik darjah pemulihan khas perlu dilengkapi dengan peralatan yang sesuai untuk murid-murid pemulihan. Ragbir Kaur (2007) mendefinisikan pengurusan bilik darjah sebagai prosedur dan keperluan yang dicipta untuk mengekalkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang sihat.

Sehubungan itu, keadaan bilik darjah perlulah selesa dan ceria agar pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih kondusif. Guru berperanan besar bagi memastikan suasana bilik darjah bersifat kondusif dan sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Joyce, Weil dan Calhoun (2009) meletakkan tanggungjawab utama mencorakkan bilik darjah itu adalah pada tangan guru. Mohammed Sani (2002) menyatakan bahawa tugas guru bukan hanya tertumpu sebagai tenaga pengajar dalam bidang akademik semata-mata. Sebaliknya, guru juga bertugas untuk memastikan bilik darjah sesuai digunakan sebagai tempat menyampaikan maklumat dan ilmu pengetahuan. Mereka juga melaksanakan tugas sebagai penasihat, perunding, pendorong, pakar rujuk dan mengawasi disiplin. Akhirnya, iklim dan kualiti komunikasi bilik darjah sangat ditentukan oleh peranan guru. (Abdullah dan Ainon, 2006).

Persediaan dari segi susun atur, peralatan, kerusi dan meja serta kebersihan bilik darjah adalah penting dan merupakan pelengkap kepada proses pembelajaran. Pengurusan bilik darjah yang baik akan menyumbang kepada kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Guru hendaklah merancang serta melaksanakan kegiatan yang boleh mewujudkan ke arah persekitaran dan iklim bilik darjah yang kondusif. Suasana bilik

darjah yang harmonis membantu peningkatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna. Guru perlu bijak dalam menggunakan pendekatan bagi mengawal iklim dalam bilik darjah berlandaskan tahap perkembangan murid. Pengurusan bilik darjah juga akan semakin baik apabila sistem penyeliaan diurus dengan berkesan. Murid-murid diberi tugasan untuk menceriakan dan membersihkan bilik darjah. Budaya ini dapat mewujudkan sikap bertanggungjawab dalam kalangan murid-murid. Di samping itu, perhubungan antara guru dan murid akan terjalin. Penyusunan tempat duduk murid juga penting dalam pengurusan bilik darjah. Pengurusan hal ehwal murid pemulihan dalam bilik darjah melalui pendekatan penyayang yang ditunjukkan oleh guru, dapat mengeratkan hubungan antara guru dan murid-murid. Di samping itu, lokasi, kesesuaian dan susunan perabot juga memainkan peranan penting dalam memilih bilik darjah pemulihan yang kondusif.

Murid-murid pemulihan ini akan belajar di dalam bilik darjah khas mengikut jadual waktu yang ditetapkan. Bilik darjah adalah keperluan asas yang utama bagi pengajaran pemulihan. Oleh itu, mereka akan keluar dan belajar dalam kelas khas semasa pengajaran berlangsung. Manakala pengajaran dan pembelajarannya pula mengikut konsep pemulihan khas. Ramlah (2004) mengatakan kecerdasan yang diwarisi boleh dipertingkatkan melalui pembelajaran dan memberi persekitaran yang kondusif untuk membolehkan pembelajaran berlaku. Peralatan dan kelengkapan untuk menjalankan aktiviti pemulihan disusun dengan baik, rapi dan mudah diambil apabila diperlukan. Pembinaan tingkap yang banyak dan pintu yang luas adanya pengaliran udara yang baik dan selesa untuk murid-murid pemulihan belajar. Sebaik-baiknya jangan letakkan lokasi kelas pemulihan berhampiran dengan tandas.

Sekiranya guru menggunakan strategi berpusatkan guru dan mendapati murid mula berasa bosan serta tidak memberi perhatian, guru boleh menukar kepada strategi pengajaran berpusatkan murid untuk menarik perhatian mereka. Oleh itu, disiplin bilik darjah dianggap sebahagian daripada pengajaran yang juga meliputi arahan, komunikasi, struktur dan pengurusan bilik darjah juga termasuk hubungan dengan ibu bapa murid (Charles, 2008). Guru pemulihan perlu mengambil beberapa langkah pengurusan bilik darjah untuk membantu murid-murid pemulihan belajar dalam keadaan yang kondusif.

Haliza (2009) berpendapat, guru perlu mengajar murid-murid pemulihan cara belajar memproses maklumat dan memberi maklum balas dengan kerap supaya mereka merasa diri mereka dihargai. Di samping itu, guru juga perlu melibatkan mereka secara aktif setiap aktiviti pembelajaran dijalankan untuk merangsang mereka seronok belajar. Oleh itu, kejayaan dan keberkesanan bilik darjah bergantung kepada komitmen serta kemahiran yang tinggi daripada pihak guru. Setiap guru harus mempunyai kesedaran bahawa setiap murid di dalam kelasnya adalah menjadi tanggungjawabnya untuk memastikan mereka menerima pengajaran guru. Oleh itu, guru perlu sentiasa berusaha mencari kaedah terbaik untuk membantu muridnya mengatasi masalah dalam pembelajaran.




**Rajah 8: Cadangan Pelan Susun Atur Perabot Dan Peralatan Dalam Kelas Pemulihan**
**Sumber: Program Pemulihan , KPM 2012**

***Petunjuk**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **1** | **Meja guru** | **8** | **Rak Fail** |
| **2** | **Kerusi guru** | **9** | **White Board** |
| **3** | **Meja bulat/Meja Jepun** | **10** | **Rak TV & VCD** |
| **4** | **Meja Murid** | **11** | **Cermin Tegak** |
| **5** | **Kerusi Murid** | **12** | **Softboard** |
| **6** | **Sudut Kinestatik** | **13** | **Rak Carta** |
| **7** | **Rak Buku** | **14** | **Karpet** |

## 1. Jadual Waktu

Tentukan masa yang diperlukam mengikut keperluan kelas berpandukan jadual waktu induk sekolah selaras dengan waktu Bahasa Melayu. Waktu mengajar tidak kurang 900 minit dan tidak melebihi 1020 minit termasuk waktu persediaan 120 minit. Pamerkan jadual waktu kelas pemulihan. Waktu untuk persediaan hendaklah digunakan untuk:

- Membuat persediaan BBM
- Mengemas kini rekod-rekod dan fail-fail
- Bimbingan dan kaunseling kepada murid-murid
- Runding cara dengan guru kelas atau guru mata pelajaran tentang perkembangan murid di kelas biasa
- Runding cara dengan guru besar untuk meningkatkan prestasi murid
- Mengemas kini sudut-sudut pameran pembelajaran

## 2. Jumlah murid di dalam Kelas Pemulihan

Bilangan murid di dalam kelas pemulihan khas hendaklah tidak melebihi 15 orang pada setiap sesi pembelajaran. Jika setiap kelas mempunyai jumlah murid pemulihan yang tidak ramai, guru boleh mengambil murid-murid dari dua atau tiga kelas. Bilik darjah perlulah kondusif iaitu mempunyai keselesaan ruang dengan bilangan murid serta mempunyai cahaya dan udara yang mencukupi. Pengubahsuaian susunan perabot mestilah menarik dan selesa sebagai dorongan ke arah pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan berkesan

## 3. Pengurusan fail

Tahap 2 – Fail Individu Murid
Fail Lembaran Kerja
Fail Jawatankuasa Pemulihan Khas Peringkat Sekolah
Fail Data Prestasi Murid
Fail Perancangan Program pemulihan
Fail Pengurusan

## 4. Rekod Kedatangan Murid

Rekod Kedatangan murid di Kelas Pemulihan Khas hendaklah disediakan bagi merekod kehadiran murid setiap hari untuk dijadikan rujukan kekerapan kehadiran murid ke Kelas Pemulihan Khas. Penyediaan rekod kehadiran yang lengkap amat penting dan guru dinasihatkan agar menanda setiap hari kehadiran murid agar dapat mengesan kekerapan murid ponteng.

## 1.12 Rumusan

Program pemulihan ialah satu perkhidmatan yang diadakan khusus untuk murid-murid yang menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran asas membaca. Program ini dikendalikan oleh guru pemulihan yang terlatih. Pelaksanaan Program pemulihan ini bertujuan supaya jurang perbezaan pencapaian di antara murid dapat dikecilkan dan mereka dapat belajar bersama-sama dalam suasana pembelajaran yang lebih baik di dalam kelas biasa. Namun begitu, walaupun program pemulihan telah lama

dilaksanakan tetapi masih banyak lagi murid-murid yang tidak tahu membaca walaupun telah berada enam tahun  di sekolah rendah. Oleh itu, pengkaji terpanggil untuk melihat sejauh mana pelaksanaan pengajaran Program pemulihan Bahasa Melayu ini dapat membantu murid-murid menguasai kemahiran asas membaca.

Dari sudut falsafah, Program pemulihan memenuhi keperluan setiap murid yang ketinggalan kerana tidak dapat belajar sepenuhnya dalam kelas biasa. Ini selaras dengan konsep "Pendidikan Untuk Semua". Dari sudut pencegahan, masalah yang dialami oleh setiap murid akan bertambah dan semakin menyulitkan jika tidak ditangani dengan segera. Dalam permasalahan ini, guru memainkan peranan yang amat penting sebagai pendidik masyarakat. Fauziah (2005) menyatakan antara lain permasalahannya ialah murid pemulihan mudah lupa huruf atau perkataan yang dibaca. Perkataan atau huruf yang diajar tidak boleh disimpan lama dalam minda mereka. Guru mestilah prihatin dan peka terhadap keadaan atau kondisi pembelajaraan murid-murid. Memandangkan jumlah murid pemulihan yang sedikit, tumpuan secara individu terhadap permasalahan berkaitan pembelajaran boleh diberikan secara menyeluruh.

Impak pengajaran yang positif akan terhasil jika sikap memberi perhatian dan mengambil berat permasalahan di samping memberi fokus untuk mengenal pasti kebolehan setiap murid diamalkan. Guru yang komited dan kreatif  dapat mewujudkan suasana kondusif, memahami murid secara individu, berempati dan memenuhi keperluan akademik dan emosi murid dengan sepenuhnya. Jika semua ini dapat dilaksanakan dengan berkesan maka, masalah kemahiran membaca dapat diatasi dengan baik. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk melihat pelaksanaan Program pemulihan dalam membantu mengurangkan masalah murid-murid yang masih tidak menguasai kemahiran membaca.

**Jadual 1: Perbezaan Kelas Pemulihan Biasa dengan Kelas Pemulihan**

| Kelas Pemulihan Biasa | Kelas Pemulihan Khas |
|---|---|
| • Guru mempunyai asas latihan keguruan | • Mempunyai asas keguruan dan kursus asas |
| • Dijalankan semasa proses P&P dalam kelas biasa | • Dijalankan dalam kelas khas |
| • Dijalankan untuk semua mata pelajaran yang diajar | • Hanya melibatkan mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik |
| • Murid kekal dalam kelas semasa sesi pemulihan | • Murid belajar dalam kelas khas untuk sesi pemulihan |
| • Menduduki ujian bulanan atau penggal | • Ujian pencapaian bagi setiap kemahiran |
| • Tidak perlu ujian saringan atau diagnostik | • Perlu ujian saringan dan diagnostik |
| • Tidak memerlukan rekod yang terperinci | • Penyimpanan rekod murid pemulihan khas amat penting |

**BIBLIOGRAFI**

___________. 2003. Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum.

__________. 2006. Pelaksanaan kelas intervensi di sekolah rendah. Kuala Lumpur : Unit Sekolah Rendah.

Abd. Halim Tamuri (2010). Persepsi guru terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia Dalam Pengajaran J-QAF. Journal of Islamic and Arabic Education, 2(2), 2010 53-64.

Abdul Aziz Abdul Talib. (2000). Pedagogi Bahasa Melayu, prinsip, kaedah dan kaedah. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.

Abdul Ghafar (2003). Prinsip dan Arahan Pengajaran. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Abd. Rahim Abd. Rashid. (2005). Profesionalisme keguruan: Prospek dan Cabaran. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dab Pustaka.

Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar Bandar. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 1 Malay Language Education Journal(1-12)

Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2006). Guru sebagai pendorong di dalam bilik darjah. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman (2003). Falsafah Pendidikan dan Kurikulum. Tanjung Malim: Quantum Books.

Ahmad Marzuki Ismail .(2007). Komunikasi Asas Kemahiran Membaca dan Menulis Untuk Pelajar. Kuala Lumpur. Karisma Publications.

Allen, D. (2007). Improving Language Acquisition Skills for English Language Learners With Music Instruction. An Action Research Project. Shawnee Mission Board of Education.

Anita Woolfolk. (2004). Educational psychology. (9$^{th}$Edition). Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.

Arshad Ismail. (2006). Pengalaman awal membaca. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah binti Abd.Rahman. (2004). Tahap Penggunaan Alat Bantu Mengajar di Kalangan Guru Pelatih KPLI (M) Maktab Perguruan Raja Melewar, Sewaktu Praktikum. Tesis Sarjana Muda Pendidikan. Negeri Sembilan: Maktab Perguruan Raja Melewar Seremban

Asmawati Desa (2002). Psikologi Untuk Golongan Profesional. Universiti Kebangsaan Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Aspalela Ramli & Maslinda Mahmud (2006). Meningkatkan kemahiran murid membaca ayat-ayat yang mengandungi perkataan gabungan dua suku kata terbuka dan tertutup. Jurnal Kajian Tindakan Negeri Johor, 1-8.

Awang Sariyan. (2006). Warna dan suasana perancangan bahasa Melayu di Malaysia, Edisi kedua. Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Bahagian Pendidikan Guru. (1999) Sukatan Pelajaran Pemulihan Dalam pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu (Pengkhususan) Kuala Lumpur Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pendidikan Guru. (2005) SukatanPelajaran KSPK- Pendidikan Pemulihan Khas (Pengkhususan). Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia. Bahan Tidak Bercetak.

Bahagian Pendidikan Guru. (2007). Pengenalan Kepada Pendidikan Pemulihan. Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Pendidikan Guru. (2009). Modul Latihan Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah. Putrajaya. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Pendidikan Khas. (2012) Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Perkembangan Kurikulum. (2010). Kertas Penerangan Panduan Pelaksanaan Program Kemahiran Mengira (PROTIM) Tahun 4 dan Tahun 5 Sekolah Rendah. Putrajaya. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Perancangan dan Pengkajian Dasar Pendidikan. (2001). Kajian Pelaksanaan Program Pemulihan Khas Di Sekolah Rendah. Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Perancangan dan Pengkajian Dasar Pendidikan. (2001). Pembangunan Pendidikan 2001-2010. Kuala Lumpur: Penerbit Ag Grafik Sdn. Bhd

Bahagian Perancangan & Pengkajian Dasar Pendidikan. (2002) Laporan Kajian Pelaksanaan Program Pemulihan Khas Di Sekolah Rendah. Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Baharom Mohamad, Iliyas Hashim. (2010) Pengajaran & Pembelajaran. Kuala Lumpur. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Bogdan, R..C. & Biklen, Sari, K. (2003). Qualitative Research for Education: An Introduction toTheory and Methods ($4^{th}$ ed), , Boston, Allyn and Bacon.

Charlie Anak Ungang (2008). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan: Kajian Kes di Lima Buah Sekolah Daerah Serian. Jabatan Kajian Sosial.Jurnal Pengkajian IPBL, Jilid 8, 2008.

Chatterji (2006). Reading Achievement gaps, Correlates, And Moderators Of Early Reading Achievement: Evidence From The Early Childhood Longitudinal Study (ECLS) Kindergarten To First Grade Sample. Journal Of Educational Psychology, 98 (3): 489-507.

Chua Yock Chuan (2001), Personaliti dan Motivasi Pelajar. Jurnal Pendidikan: PKPSM Johor.(hlmn 61-64)

Creswell, J.W. (2007). Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches (Second Edition). Thousand Oaks, CA: Sage

Creswell, J.W. (2005). Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. New Jersey Pearson Education Inc.

Creswell, John W., Vicki L. Plano Clark. (2007). Designing and Conducting Mixed Methods Research.Thousand Oaks: SAGE Publications.

Creswell, John W., (2010). Research Design; Pendekatan Kualitatif, Kuantitatif dan Mixed Methods. Thousand Oaks: SAGE Publications.

Eggen, P. & Ksuchak, D. (2001). Educational psychology windows on classroom. (5$^{th}$ Edition). Upper Saddla River, New Jersey: Merrill Prentice Hall.

Emzir (2010). Metodologi Penelitian Kualitatif: Analisis Data. Jakarta: Raja Grafindo.

Esah Sulaiman. (2004). Pengenalan pedagogi. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Fauziah Ahmad et. Al. (2005). Choice of teaching methods: Teacher-centered or student centered. Jurnal pendidikan. Jilid 7. Bahagian Perancangan dan Pengkajian. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Fuziati Misbah, (2012). Kajian tindakan meningkatkan penguasaan membaca murid menggunakan kaedah gabungan bunyi kata dengan teknik latih tubi. SK Sri Suria 2 Tanah Merah. Kelantan

Frankel R. M., & Devers, K. J. (2000) Study Design in Qualitative Research—1: Developing Questions and Assessing Resource Needs, Education for Health, Vol. 13, No. 2, 2000, p. 251–261.

Gagne, Wager (2005). Principles of instructional design. 5$^{th}$ Edition. Boston: Thomson Wadsworth.

Gay, L. R. & Airasian, P. (2000). Educational research: Competencies for analysis and application (6th Ed.). Columbus, OH: Merrill Publishing Co.

Gerring (2007). Principles and Practices: Case Study Research. Cambridge University Press.

Glickman, C.D., Gordon, E.W., & Ross-Gordon, J.M. (2007). Supervision and Instructional leadership : A developmental approach (8th ed.). Boston : Allyn and Bacon.

Goh Yin Soon, Wan Mohd Nazif Wan Mohd Nori (2009) Kemahiran Menulis. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Graham R. Gibbs. (2007). Analyzing Qualitatif Data. SAGE Publication Ltd.

Haliza Hamzah. (2009). Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku. Oxford Fajar Sdn. Bhd. Selangor, Darul Ehsan.

Hamdan, Hanipah dan Saprin (2004). Kaedah Mengajar Dewasa Panduan Untuk Jurulatih. Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.

Holly M. Menzies (2008). Early Intervention in Reading: From Research to Practice. Remedial and Special Education Volume 29 Number 2 March/April 2008 67-77 @ 2008 Hammill Insitute on Disabilities.

Isahak Harun. (2004). Laporan Kajian Awal Membaca Bahasa Melayu. Tanjung Malim. UPSI.

Isahak Harun. (2006). Mudah Membaca Bahasa Melayu: Edisi Guru 2. Shah Alam. Penerbit Fajar Bakti

Isahak Haron. (2005). Pengalaman mengajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Mohd. Syariefudin Abdullah et.al (pnyt.). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. hlm 59-68.

Isahak Haron. (2009). Awal Membaca dan Menulis Bahasa Malaysia Pra Sekolah. Subang Jaya, Selangor. Penerbit Ilmu Bakti Sdn. Bhd

Jabatan Bahasa IPBMM.(2007) Panduan Rancangan Pengajaran Bahasa Melayu.Kuala Lumpur. Institut Perguruan Bahasa Melayu Malaysia.

Jabatan Bahasa IPBMM. (2007) Rancangan Pengajaran Harian Bahasa Melayu Tahun 4. Kuala Lumpur. Institut Perguruan Bahasa Melayu Malaysia.

Jabatan Pendidikan Khas. (2005). Buletin Pendidikan Khas 1:1-15.

Jabatan Pendidikan Khas. (2008). Kursus Asas Program Pemulihan Khas Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia. Bahan Tidak Bercetak.

Jabatan Pendidikan Khas. (2008). Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas (Edisi Percubaan). Putrajaya. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Jabatan Pendidikan Khas. (2008). Program Pemulihan Khas, Instrumen Penentu PenguasaanMembaca & Menulis (IPP2M). Putrajaya Kementerian Pelajaran Malaysia.

Jabatan Pendidikan Khas .(2002). Instrumen Penentu Penguasaan 3M (IPP3M) Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Jabatan Pendidikan Khas. (2003). Pelaksanaan Program Pemulihan Khas (Masalah Penguasaan 3M) Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Jabatan Pendidikan Pulau Pinang.( 2002). Statistik murid intervensi KIA2M : Unit Pendidikan Khas, Sekolah Rendah.

Jabatan Pendidikan Pulau Pinang, Unit Kurikulum. (2001). Laporan celik huruf I angka dan bahasa Inggeris negeri Pulau Pinang 2001 (Tidak diterbitkan)

Jamieson .(2007). The Roots of Motivation. ProQuest Education Journals, Volume 78, pg 2

Jamila K.A Mohd Kutty. (2012). Pelaksanaan Pengajaran Kemahiran Membaca dan Menulis dalam Bahasa Melayu Bagi Murid Prasekolah Bermasalah Pendengaran. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 2 (1): 111-127.

Joyce, B., Well, W., & Calhoun, E. (2009). Models of Teaching and Learning (8th Edition). Boston: Allyn and Bacon.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2001). Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Bilangan 1 Tahun 2001. Rujukan KP(PP)0137/40(79), Bahagian Pembangunan Dan Perkhidmatan. Kuala Lumpur.

Kementerian Pelajaran Malaysia .(2001). Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pelajaran Malaysia.(2002). Bahagian Keawangan**.** Surat Pekeliling Kewangan Bil. 5 Tahun 2002. Pemberian Bantuan Perkapita Untuk Sekolah**.** Rujukan KP.1573/17/Jld.14 (4),. Bahagian Kewangan. Kuala Lumpur

Kementerian Pelajaran Malaysia.(2002). Kajian Pelaksanaan Program Pemulihan Khas Di Sekolah Rendah 2002. Bahagian Perancangan dan Pengkajian Dasar Penendidikan Gempita Maju. Kuala Lumpur.

Kementerian Pelajaran Malaysia.(2003). Pelaksanaan Pendidikan Wajib Di Peringkat Rendah 2003 Pejabat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Surat Pekeliling Iktisas Bil.14/2002. bertarikh 27 November 2002.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). Pembelajaran secara konstruktivisme. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia.(2003). Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Sekolah. Instrumen Pemastian Standard. (SKPM2). Jemaah Nazir Sekolah. Cepat Cetak Sdn. Bhd. Kajang Selangor.

Kementerian Pelajaran Malaysia.(2010). Standard Kualiti Pendidikan Malaysia. Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. Cepat Cetak Sdn. Bhd. Kajang Selangor.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Bahagian Pembangunan Kurikulum. Putrajaya

Kementerian Pendidikan Malaysia (Pusat Perkembangan Kurikulum). (2003). Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah: Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Pembangunan Kurikulum). (2009). Kurikulum Standard Prasekolah. Kuala Lumpur

Kirk, S. (2012). Education exceptional children ($13^{th}$ ed). Belmont, CA: Wadsworth.

Khairuddin Mohamad (2011). Literasi Bahasa Melayu. Shah Alam. Penerbit Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Kohler, M. et. Al (2006). Quality teaching: views from the profession. Volume 40. Number 3, February.

Lexy J. Moleong,(2007). Metode Penilitian Kualitatif. Bandung Remaja Risdakarya.

Linda Darling-Hammond & Barnett Berry. (2006). Highly qualified teachers for all. Educational leadership. November.

Lofland, J. and Lofland, L.H. (2006). Analyzing Social Settings: A Guide to Qualitative Observation and Analysis, 4rd Ed. Belmont, CA: Wadsworth.

Marohaini Yusoff. (2004). Perlakuan dan proses menulis karangan bahasa Melayu. Terbitan Universiti Malaya

Marohaini Yusof. (2001). Pengkajian Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mahasan Mahmood (2003). Kaedah Nemonik Dalam P&P Matematik. SMK Yaacob Latif Jalan Peel Kuala Lumpur.

Mazni Othman. (2007). Program Peningkatan Kemahiran Membaca SK Kaya, Setiaawan, Perak. (Kertas kerja yang tidak diterbitkan)

Mohd Majid Konting. (2005). Kaedah Pengkajian Pendidikan. Ed. Ke-7. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maslow, A.H. (1970). Motivation and personality ($2^{nd}$ Edition). New York: Harpen and Row Publishers.

Mastuti Isa,(2008). Membaca dan disleksia: Proses Penglihatan dan Perhatian. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Menzies, H.M (2008). Remedial and Special Education. School Of Education: Sonoma State University

Meran Abu Bakar. (2006). Cepat Membaca Guna Kaedah I-Sina.

Merriam, S.B.(2002). Qualitative research and case study applications in education. (2nd ed). Jossey Bass: San Francisco.

Merriam, S.B.(2009). Qualitative research: a guide to design and implementation. Jossey-Bass Publishers: San Francisco.

Muhamad Hassan Abdul Rahman. (2000). Media pengajaran: Penghasilan bahan pengajaran berkesan. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Musti-Roa, S.Hawkins, & Barkley (2009) Effects of Repeated Reading On Oral Reading Fluency of Urban Fourth-Grade Students: Implication for Practise. University of Cincinnati: University Research Council Faculty Research Support Program.

Mohd Salleh Lebar (2007). Pentadbiran Pendidikan & Pendidikan di Malaysia. Petaling Jaya: Addison Wesley Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Mohd. Aris bin Othman, Hajah Siti Fatihah binti Abdullah & Hajah Asmah binti Abd.Rahman. (2004). Tahap Penggunaan Alat Bantu Mengajar di Kalangan Guru Pelatih KPLI (M) Maktab Perguruan Raja Melewar, Sewaktu Praktikum.Tesis Sarjana Muda Pendidikan. Negeri Sembilan: Maktab Perguruan Raja Melewar Seremban.

Mohammed Sani Ibrahim (2002). Pemupukan nilai guru cemerlang. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mok Soon Sang. (2008). Murid dan Alam Belajar. Puchong, Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang. (2010). Psikologi Pendidikan dan Pedagogi. Murid dan Alam Belajar. Puchong, Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang. (2012). Pedagogi Untuk Pengajaran dan Pembelajaran. Puchong, Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Moleong, Lexy J. (2007). Metodologi Penelitian Kualitatif. Bandung: PT Remaja Rosdyakarya

Nana (2008). Metode Penelitian Pendidikan. Bandung: Remaja Rosdakarya.

Nik Safiah Karim .(2004). Bahasa Melayu sedekad yang lalu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Neuman, W.L .(2000). Social research methods: quantitative and qualitative approaches. Fourth Edition. Boston: Allyn and Bacon.

Norabeerah, Halimah. (2011). Technical Skills In Developing Augmented Reality Application, P. Olivier, T. Shih, S. Velastin & I. Nystrom (Eds.) Sustaining research and inovations, 7067: 360-370. Heidelberg: Springer Verlag Berlin.

Noresah Baharum(2010) Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noriati A. Rashid (2012) Falsafah dan Pendidikan Di Malaysia. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Nor Azizah Salleh, Siti Rohayah Ariffin & Musa Daia. (2002). Penerapan Nilai Murni Melalui Pembelajaran Koperatif Dalam Sains. Jurnal Pendidikan Jilid 1/Volume 27 Mei.

Norhayati bt Md. Yatim. (2005). Media Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur. Institut Perguruan Bahasa Melayu Malaysia. Bahan Tidak Bercetak.

Othman Ahmad & Nik Eliani Nik Nawi (2009). Kursus Kaedah Mengajar Bacalah Anakku. Kuala Lumpur: Teadnetwork

Othman Lebar (2007), Pengkajian Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metod, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

Othman Mohamed. ( 2001 ). Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial. Kuala Lumpur. Aslita Sdn Bhd.

Patton, M.Q. (2002). Qualitative Research & Evaluation Methods (Third Edition). Thousand Oaks, CA: Sage.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, Rancangan Melaysia Ke-9.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2008). Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). Pembelajaran secara konstruktivisme. Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pressley, M. et.al. (2007). How does Bennett Woods elementary school produce such high reading and writing achievement?. Journal of education psychology. Vol.99, No. 2, 221-240.

Ragbir Kaur A/P Joginder Sigh. (2007) .Panduan Ulangkaji Pendidikan Untuk KPLI Sek. Men. Dan Sek. Ren. Kumpulan Budiman Sdn Bhd, Subang Jaya.

Rahmah Jantan, & Mahani Razali. (2002). Pelaksanaan pemulihan membaca oleh guru-guru biasa dibeberapa buah sekolah di daerah Batang Padang. Dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa Melayu(m.s. 1-17). Beijing, China.

Rahman Marjumin. (2003). Konsep dan strategi pendidikan pemulihan. Kertas dibentangkan dalam kursus Pengurusan dan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas Tahap Satu.

Ramlah Jantan & Mahani Razali. (2004). Psikologi Pendidikan – Pendekatan Kontemporari. Perak. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Ramlah Jantan. (2008). Psikologi Pendidikan. Oxford Fajar Sdn. Bhd. Shah Alam Selangor, Darul Ehsan.

Ramsey, S.J. (2003). Reflecting on the future education in the third millennium. Curriculum and Teaching Dialogue,5, 123-130

Rohana Yusof. (2003). Pengkajian Sains Sosial (Social Science Research). Pahang, Malaysia: PTS Publications & Distributors (Malay Version).

Robert K. (2004). Aplication Research of Case Study Research. Second Edition. SAGE Publication. New Bury Park. London.

Rohani Abdullah. (2007) Psikologi Perkembangan Kanak-kanak. Pahang, Malaysia: PTS Publications & Distributors (Malay Version).

Roselan Baki. (2006). Kualiti pengajaran : Menggantikan pendekatan serius dengan pendekatan santai. Seminar dan bengkel pendidikan bahasa dan kemanusiaan. 16 September 2006. Hotel Marriott Putrajaya.

Roselan Baki. (2003). Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Shah Alam Karisma Publications Sdn. Bhd.

Roselan Baki. (2001). Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Roziah Binti Abd Hamid. (2005). Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid-murid Tahun 1 Dengan Latih-tubi Menggunakan Suku Kata Dan Gambar. Pahang Darul Makmur.

Rozlan Mohd Noor. (2009) . www.celikhuruf.com/p/rmn.htm.

Saifo (2001). Guru Mengalami Perubahan. Jabatan Kajian Sosial. Maktab Perguruan Islam.

Salinger. T. (2006) Policy decision in early literacy assessment. In K. Dickinson, S. B. Neuman (Eds), Handbook of early literacy research (pp. 427-444). New York. NY: The Guilford Press.

Slavin, R. E., Cheung. A., Golf, C., & Lake, C. (2008) Effective reading programs for middle and high school: A Best evidence synthesis. International Reading Association.

Spiro, R. J. (2001). Principled pluralism for adaptive flexibility in teaching and learning to read. In R. F. Flippo (Ed), reading researches in search of common ground (pp.92-97). Newark, DE: International Reading Association.

Sharifah (2009). Murid Dan Alam Belajar. Shah Alam. Oxford Fajar.

Sharifah Azura Syed Hassan. (2006) Mempertingkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid Tahun 2 melalui kaedah stesen. (Kajian yang tidak diterbitkan).

Sufean Hussin et al. (2005). Pentadbiran Dalam Pembangunan Pendidikan. Bentong Heights: PTS Professional Publisher.

Tan, O.S., Parsons, R.D., Hinson, H.L. dan Sardo-Brown, D. (2003), Educational Psychology: A Practitioner-Researcher Approach. (An Asian Edition), Thomson.

Tan & Shi Soi Fah. (2005). Use of Songs In the Teaching of Lifeskills Modules. Ite Teachers' Conference 2005.U. S.

Tay Meng Huat. (2003). Satu tinjauan terhadap sikap dan masalah guru Bahasa Melayu di sekolah rendah jenis kebangsaan. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Toth M. J. (2010). Changing Delivery Methods, Changing Practice: Exploring Instructional Practices in Face-to-Face and Hybird Courses. In MERLOT Journal of Online Learning and Teaching Vol. 6, No.3.

Tuan Jah (2010). Pembestarian Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Modul: Open University Malaysia (OUM): Cerdik Publication Sdn. Bhd.

Walpole. S. Justice. L. & Invernizzi. M. (2004). Closing the gap between research and practice: Case study of school-wide literacy reform. Reading and Writing Quarterly. 20(3). 261-283

Wan Zah Wan Ali (2001). Fenomenografi dalam Pengkajian Pembelajaran. Dalam Marohaini Yusof. Kaedah pengkajian kualitatif: Pengalaman kerja Lapangan Kajian. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Warner. D. H (2005). A study to determine the relationship of the direct instruction program corrective reading on Terra Nova Test Scores in one school system in East Tennese. ( A dissertation presented to the faculty of the Department of Educational Leadership and Policy Analysis). East Tennessee State University.

Westwood, P. (2001). Reading and Learning Difficulties: Approaches to Teaching and Assessment . Camberwell, Victoria: Australian Council for Educational Research Ltd.

Wheeler, S. (2002) Qualitative Research in Nursing (2nd ed). Oxford: Blackwell.

Whitehurst, G. J. & Lonigan, C. (2001). Emergent literacy: Development from prereaders to readers. Dlm. S. Neuman & D. Dickinson (Eds.). Handbook of early literacy research, 11-30. New York: Guilford

Yahya Othman .(Julai 2002) Keberkesanan pengajaran membaca. Pelita Bahasa (38 – 39) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yahaya Othman .(Julai 2003). Responmembaca dalam pengajaran bahasa. Pelita Bahasa Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yahaya Othman. (2005). Mengajar membaca: Teori dan aplikasi. Bentong. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Yahaya Othman. (2008). Trend Dalam Pengajaran Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Yin, R. K. (2011) Case Study Research: Design and methods. 3th Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.

Zainal Kassan & Suhaila Abdullah, (2010). Pendidikan disleksia. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Zainora Binti Mohd @ Man. (2005). Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid Tahun 5 Melalui Latih Tubi Bacaan Menggunakan Kad Suku Kata. Pahang.

Zimmerman, B.J. & Dibenedetto, M.K. (2008). Mastery learning and assessment: Implications for students and teachers in an era of high-stakes testing. Psychology in the Schools, 45 (3): 206-216.

Zulkifley Hamid, (2005). Penilaian pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zulkifley Hamid. (2006). Aplikasi Psikolingustik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.